

BAB 3

Uslūb Pengulangan Dalam Surah al-Baqarah

3.0 Pendahuluan

Pengulangan dalam bahasa Arab diistilahkan dengan *takrār* (تَكَرَّر).

Dalam kajian ini, pengulangan yang dimaksudkan ialah pengulangan yang bertujuan pengukuhan atau taukid.

Untuk menetapkan sama ada dalam al-Qur'an pengulangan ini wujud atau sebaliknya. Setelah penulis meneliti maka terdapat tiga pandangan berkaitan dengan masalah ini :⁽¹⁾

(i). Wujud dalam Al-Qur'an

Mengikut majoriti pendapat ulama (جَهْدُ الْأَمَّةِ) bahawa pengulangan yang bertujuan untuk pengukuhan wujud dalam al-Qur'an kerana al-Qur'an diturunkan dengan bahasa Arab. Apabila wujud uslūb pengulangan dalam bahasa Arab untuk tujuan pengukuhan, maka sudah tentu al-Qur'an juga menggunakan uslūb pengulangan ini. Tanpa uslūb ini, susunan ayat-ayat al-Qur'an boleh dipertikaikan terutama ayat-ayat yang menerangkan bahawa al-Qur'an adalah diturunkan dengan bahasa Arab, seperti firman Allah s.w.t :

بِلِسَانٍ عَرَبِيٍّ مُبِينٍ

Maksudnya : " (Ia diturunkan) dengan bahasa Arab yang fasih serta terang nyata".⁽²⁾

-
1. Imam Badr al-Din Muhammad bin 'Abdillāh al-Zarkasyiyy, (Tanpa tarikh). Bairut : Al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'an .(Taḥqīq, Muhammad Abū al-Faḍl Ibrahim) Dār al-Fikr Cetakan ke-3. Juz 3, hlm 385.
 2. Surah al-syu'arā' 26 : 195

Firman Allah s.w.t :

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانٍ قَوْمِهِ لِيُذَكِّرَهُمْ

Maksudnya : " Dan kami tidak mengutuskan seseorang rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya ia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka".⁽¹⁾

(ii). Tidak wujud dalam al-Qur'an

Satu golongan berpendapat bahawa pengulangan atau taukid tidak wujud dalam al-Qur'an kerana sebaik-baik ujaran ialah ringkas, jelas tunjukan dan tidak membosankan. Pemahaman terhadap sesuatu ujaran lebih mudah tanpa pengulangan atau taukid.⁽²⁾

(iii). Menyalahi struktur asal

Mengikut pendapat golongan yang ketiga ini bahawa susunan ayat pada asalnya tidak menggunakan pengulangan atau taukid tetapi pengulangan boleh digunakan jika terpaksa atau memang tidak dapat dielakkan. Penggunaan pengulangan dalam keadaan seperti ini dinamakan dengan "*menyalahi struktur asal*".⁽³⁾

Setelah penulis perhatikan kepada tiga pendapat di atas, maka pendapat jumhūr (majoriti) ulama yang paling baik dan munasabah untuk diterima

1. Surah Ibrāhīm 14 : 4

2. Imam Badr al-Din Muhammad bin 'Abdillāh al-Zarkasyiyy, (Tanpa tarikh). Bairut : Al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'an. Juz 2, hlm 385.

3. Ibid. Juz 2, hlm 385

kerana al-Qur'an diturun dengan bahasa Arab. Apabila bahasa Arab menggunakan pengulangan sudah tentu al-Qur'an juga menggunakannya tetapi penggunaan pengulangan dalam al-Qur'an terbatas kepada pengulangan yang tidak merosakkan kefasihan dan kemurnian *uslūb* al-Qur'an. Oleh kerana itu, dalam al-Qur'an tidak terdapat pengulangan kata kerja, meskipun pengulangan dengan kata kerja ini telah menjadi tradisi bagi komuniti Arab menggunakannya. Di antara sebab pengulangan kata kerja tidak digunakan dalam al-Qur'an adalah kerana jenis pengulangan ini berat untuk ditutur dan tidak sedap didengar.

3.1 Pengulangan dari segi bahasa (لغة)

Dari segi bahasa (لغة) perkataan (تكرار) yang diterjemahkan dengan "pengulangan" adalah kata terbitan tak berkala (مصدر) yang diambil dari kata kerja (كرّر), dan yang sinonim dengan perkataan ini ialah (رَدَّدَ) dan (أَعَادَ).

Satu perkara yang timbul berkaitan dengan perkataan (تكرار) ialah adakah perkataan ini *ṣamāʿiyy* (dengan cara mendengar ujaran dari orang Arab) atau *qiyāsiyy* (boleh dibandingkan).

Berkaitan dengan permasalahan di atas, terdapat percanggahan pendapat di kalangan para ahli nahu, dan secara ringkasnya perbezaan pendapat ini boleh dibahagikan kepada yang berikut ⁽¹⁾:

1. Imam Badr al-Din Muhammad bin ʿAbdillāh al-Zarkasiyy, (Tanpa tarikh). Bairut : Al-Burhān fī ʿUlūm al-Qurʿan. Juz 3, hlm 9

(i). Aliran Sībawaih (مَذْهَبُ سَيْبَوَيْهِ)

Mengikut aliran Sībawaih perkataan (تَكْرَار) wazan (timbangan) nya ialah (تُعَال), tetapi ia adalah samā'iy (dengan cara mendengar ujaran dari orang Arab) kerana mengikut kelaziman, kata kerja yang mempunyai tiga huruf (فَعْلُ ثَلَاثِيّ) apabila diimbuhkan dengan huruf yang sejenis dengan 'ain fi'ilnya (عَيْنُ فَعْلٍ), ertinya ditad'ifkan (digandakan), maṣdar (مَصْدَر) kata kerjanya boleh dikiaskan dengan wazan taf'īl (تَفْعِيل).

(ii). Aliran al-Kūfiyyin (مَذْهَبُ الْكُوفِيِّينَ)

Mengikut pandangan ahli nahu dari al-Kūfiyyin perkataan (تَكْرَار) wazannya ialah (تَفْعِيل), sebab perkataan (تَكْرَار) diderivasikan daripada kata kerja (كَرَّرَ) yang sewazan dengan (فَعَّلَ) dan masdar qiyāsiyy bagi kata kerja ini ialah (تَفْعِيل), tetapi perkataan (تَكْرَار) terdapat padanya pertukaran (إِسْدَال) iaitu huruf alif (ا) yang selepas huruf rā' (ر) yang pertama adalah berasal dari huruf yā' (ي).

Setelah penulis meneliti antara dua pendapat atau dua aliran di atas, aliran Sībawaih lebih munasabah dan logik kerana kalau huruf alif adalah sebagai ganti kepada huruf yā' (ي) tidak begitu munasabah, sebab tidak ada masalah bagi seseorang mengujarkan perkataan (تَكْرِير). Mengikut ahli pilologi apabila sebelum huruf yā' berbaris di bawah, huruf yā' itu tidak perlu ditukarkan kepada huruf alif, lain halnya jika sebelum huruf yā' berbaris di atas (فَعَّاه), huruf yā' itu perlu ditukarkan kepada huruf alif, seperti (بَاعَ), asalnya ialah (يَعَّ), huruf alif pada (بَاعَ) adalah berasal dari huruf yā'.

kerana huruf sebelum *yā'* berbaris di atas (فَتْحَة), lalu huruf *yā'* ditukarkan kepada alif.⁽¹⁾

3.2. Pengulangan dari segi istilah

Dari segi istilah iaitu definisi yang digunakan dalam tatabahasa Arab, pengulangan adalah sama dengan *pengukuhan* (تَوْكِيد), hanya bunyi sebutan sahaja yang berlainan.⁽²⁾

Mengikut pandangan penulis di antara dua perkataan ini (pengulangan dan *taukīd*) terdapat sedikit perbezaan kerana *pengulangan* sifatnya lebih umum jika dibandingkan dengan *taukīd*. Apabila dikatakan *taukīd* di dalamnya sudah termasuk *pengulangan* tetapi tidak sebaliknya, kerana ada di antara *pengulangan* yang tidak boleh dikategorikan sebagai *taukīd*, sebab itulah ahli retorik mendefinisikan al-Takrār (التَّكْرَار) ialah mengulang perkataan atau ayat dua kali atau lebih kerana ada tujuan tertentu. Di antara tujuan tersebut ialah untuk pengukuhan (*taukīd*).⁽³⁾

Al-Qur'an banyak menggunakan *uslūb* pengulangan yang bukan untuk tujuan pengukuhan (تَوْكِيد), seperti firman Allah s.w.t :

وَاتَّقُوا اللَّهَ وَيُعَلِّمُكُمُ اللَّهُ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

-
1. Ridā al-Dīn Muhammad bin al-Ḥasan al-Istirbādhiyy. 1982. Bairut : Syarḥ Syāfiyyat Ibn al-Ḥajīb. Dār al-Kutub al-ʿIlmiyya. Juz 3, hlm 95.
 2. Abū Basyr ʿUmar bin ʿUthman bin Qanbar. Bairut : Kitāb Sibawaih. Dār al-Jail, Cetakan 1. Juz 3, hlm 508.
 3. Al-Sayyid Ahmad al-Ḥāsyimiyy. 1960. Cairo : Jawāhir al-Balāghat. Maktabat al-Tijāriyyat al-Kubrā. hlm 183.

Maksudnya : “ Oleh itu hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah, dan (ingatlah) Allah (dengan keterangan ini) mengajarkan kamu, dan Allahsenantiasia mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”.⁽¹⁾

Dalam ayat ini perkataan (اَللّٰهُ) diulang sebanyak tiga kali, pengulangan perkataan (اَللّٰهُ) yang kedua dan ketiga bukan untuk mengukuh atau men-taukīdkan perkataan (اَللّٰهُ) yang pertama tetapi difleksi dengan pelaku dan subjek.⁽²⁾ Terdapat beberapa sebab yang tidak membolehkan kedua-duanya menjadi taukīd, di antara sebab-sebab tersebut adalah seperti yang berikut :

(a). Berlainan maksud

Ketiga-tiga perkataan (اَللّٰهُ) dalam ayat di atas, fizikalnya sama tetapi membawa maksud yang berlainan, iaitu :

- Bertaqwa kepada Allah
- Allah mengajar kamu
- Allah mengetahui setiap sesuatu

(b). Kata tambahan

Pengukuhan atau taukīd adalah kata tambahan jika ianya dibuang atau ditiadakan dalam ayat, ayat itu masih dapat difahami makna dan maksud tujuannya.

1. Surah al-Baqarah 2: 282

2. Muhammad Ṣōfī, 1990. Bairut : Iʿrāb al-Qurʿan wa Ṣarfuh wa Bayānuh. Dār al-Rasyīd. Jld 3, hlm 90.

Dalam struktur ayat di atas tadi jika pekataan (ٱللَّهُ) yang kedua dan ketiga ditiadakan atau dibuang, maka makna ayat tidak dapat difahami atau tidak dapat diketahui maksud tujuan sebenarnya.

°Abd al-Rahman Hasan menjelaskan, bahawa tujuan pengulangan dalam ayat di atas adalah untuk mengagong, membesar serta meninggikan kedudukan Allah. ⁽¹⁾

Begitu juga dengan pengulangan cerita atau kisah yang banyak terdapat dalam al-Qur'an, seperti kisah nabi Musa a.s dengan Fir'aun, nabi Adam a.s dengan Iblis dan lain-lain. Pengulangan yang seperti ini tidak dinamakan taukid tetapi diistilahkan dengan pengulangan sahaja. Tujuan pengulangan kisah atau cerita dalam al-Qur'an adalah sebagai i'jāz (menjelaskan kerasulan nabi s.a.w dan tidak mampu orang Arab menentangnya),⁽²⁾ kerana setiap cerita yang diulang itu berlainan bentuk susunan ayat dengan ayat cerita yang sebelumnya, sehingga manusia tidak mempunyai keupayaan membuat susunan ayat yang serupa dengan al-Qur'an dan juga sebagai bukti kebenaran rasulullah s.a.w, sebab rasulullah seorang yang ummiyy (tidak pandai menulis dan membaca) tetapi beliau boleh menceritakan tentang peristiwa yang berlaku pada zaman-zaman yang sebelumnya. Dari mana datang maklumat ini kalau bukan wahyu dari Allah. Oleh sebab itulah Allah tegaskan dalam al-Qur'an, seperti firmanNya :

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ

1. °Abd Rahman Hasan Hanbakat al-Midāniyy, 1996. Damsyiq : Al-Balāghat al-°Arabiyyat, Dār al-Qalam. Juz 1, hlm 100.
2. Mannā al-Qattān, 1995. Bairut : Mabāhis fī °Ulūm al-Qur'an. Muassasat al-Risālat, hlm 258.

Maksudnya : “ Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam), menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada al-Qur'an atau Hadith) tidak lain melainkan wahyu yang diwahyukan kepadanya”.⁽¹⁾

Penulis akan menggunakan kedua-dua istilah ini (pengulangan dan pengukuhan) kerana mengikut ahli nahu tujuannya adalah sama. Oleh kerana pengulangan sifatnya lebih umum dan dapat merangkumi semua bentuk dan uslūb taukīd baik dari segi pandangan ahli nahu atau ahli retorik maka penulis gunakan istilah pengulangan sebagai tajuk bab tiga ini.

Terdapat dua bentuk pengulangan yang boleh dikategorikan sebagai taukīd atau pengukuh :

(a). Pengulangan ujaran satu makna

Pengulangan lafaz (ujaran) satu makna ialah taukīd dan mua'kkad atau pengukuh dengan yang dikukuh sama bentuk fizikal dan makna, dan jika tidak didatangkan taukīd, ayat masih dapat difahami maksud tujuannya. Seperti seseorang berkata :

الْمَطَرُ غَزِيرٌ الْمَطَرُ غَزِيرٌ فِي كَوَالِ الْمَبُورِ
(Hujan lebat di Kuala Lumpur)

1. Surah al-Najm 53 : 3 dan 4

Ayat (الْمَطَرُ غَزِيرٌ) yang kedua menjadi pengukuh kepada ayat pertama, kerana maknanya sama dan juga seandainya dibuangkan, ayat yang kedua ini penerima masih dapat memahami maksud ujaran, iaitu menyatakan *turunnya hujan lebat di Kuala Lumpur*.

(b). Pengulangan lafaz berlainan makna

Pengulangan lafaz berlainan makna ialah dua perkataan atau dua ayat yang berlainan bentuk fizikal dan makna tetapi ada unsur-unsur yang boleh membawa kepada makna taukid. Uslūb pengukuhan seperti ini hanya ahli retorik sahaja yang mengkategorikannya sebagai pengukuhan. Di bawah ini dikemukakan dua contoh berkaitan dengan pengulangan ini :

(1). Pengulangan dengan sifat

Pengulangan dengan sifat ialah kata susulan (تَابِع) dalam ayat difleksikan dengan sifat tetapi maksud tujuan kewujudannya adalah untuk pengukuhan kerana tanpa ada kata susulan, ayat masih dapat difahami, seperti firman Allah s.w.t :

تِلْكَ عَشْرَةٌ كَامِلَةٌ

Maksudnya : " Semuanya itu sepuluh (hari) cukup sempurna".⁽¹⁾

1. Surah al-Baqarah 2: 196

Perkataan (كَامِلَة) difleksikan sebagai sifat (صِفَة) kepada perkataan (عَشْرَة). Kewujudan perkataan (كَامِلَة) selain daripada menjadi sifat ia juga adalah untuk tujuan pengukuhan yang diistilahkan dengan sifat mua'kkidat (صِفَة مُؤَكِّدَة), kerana tanpa perkataan (كَامِلَة) ayat masih dapat difahami sebab perkataan (عَشْرَة) telah membawa erti *sepuluh hari penuh*.⁽¹⁾

(2). Pengulangan dengan °atf (عطف)

Pengulangan dengan °atf ialah di antara kata pengulang dengan yang diulang terdapat partikel °atf, seperti firman Allah s.w.t :

وَإِذْ ءَاتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ وَالْفُرْقَانَ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ

Maksudnya : " Dan (kenangkanlah) ketika kami turunkan kepada nabi Musa a.s kitab (Taurat) dan keterangan-keterangan (yang terkandung di dalamnya yang membezakan antara yang benar dengan yang salah), supaya kamu mendapat petunjuk.⁽²⁾

Perkataan (الْكِتَاب) dan (الْفُرْقَان) adalah menunjuk kepada satu benda iaitu Taurat, kerana yang diturunkan kepada nabi Musa a.s. tidak ada kitab yang lain selain daripada Taurat. Bererti perkataan (الْفُرْقَان) dalam ayat ini adalah sebagai pengulang kepada perkataan (الْكِتَاب) yang bertujuan untuk

-
1. Muhyi al-Din al-Darwisy, 1998. Damsyiq : I'rab al-Qur'an al-Karim. Al-Yaniamat. Jild 1, hlm 290. Dan Ibnu al-Athir, (Tanpa tarikh). Bairut : Al-Mathal al-Sair. (Tahqiq Muhammad Muhyi al-Din °Abd al-Hamid) Juz 3, hlm 162-163.
 2. Surah al-Baqarah 2 : 53

pengukuhan tetapi di antara pengulang dengan yang diulang terdapat partikel *‘atf* iaitu huruf waw (و).⁽¹⁾

Para ahli nahu tidak membincangkan pengulangan lafaz membawa kepada berlainan makna sama ada dalam bab *taukīd* atau dalam bab-bab lain, tetapi masalah ini dibincangkan oleh para ahli retorik dengan panjang lebar dan lengkap dengan dalil mengikut fakta yang jelas dari al-Qur’an, Hadith dan *diwān* al-Arab.

Dalam kajian ini nanti pendapat ahli retorik yang berkaitan dengan *taukīd* akan diketengahkan sebagai penjelasan tambahan atau untuk tujuan lain yang dianggap perlu sahaja.

3.3 Jenis-jenis pengulangan

Telah dijelaskan di atas tadi bahawa pengulangan ada yang boleh dikategorikan sebagai *taukīd* dan sebaliknya. Pengulangan yang tidak membawa makna *taukīd* akan disentuh mengikut keperluan sahaja kerana tidak ada kaitan dengan tajuk kajian. Sebaliknya penumpuan adalah kepada pengulangan yang dikategorikan sebagai *taukīd* atau pengukuhan.

1. Mahammad Ṣoḥī, 1990. Bairut : *l’rāb al-Kur’an wa Ṣarfuh wa Bayānuh*. Dār al-Rasyīd. Jld 3, hlm 90.

3.3.1 Pengulangan lafaz

Pengulangan lafaz atau pengukuhan lafaz (التَّوكِيدُ اللَّفْظِيُّ) terdapat dalam semua bahasa, kerana selain daripada seni bahasa ia juga adalah salah satu daripada keperluan dalam berintraksi. Sungguhpun demikian bentuk, struktur dan cara pengungkapannya adalah berlainan.

Dalam bahasa Melayu basahan pengulangan yang bertujuan untuk pengukuhan (taukid) sering digunakan. Contohnya di taman perumahan, dimana kanak-kanak sedang bermain-main di tengah jalan di hadapan rumah mereka, lantas seorang ibu melihat sebuah kereta datang menuju kepada kanak-kanak tersebut, lalu ibu itu menjerit " *kereta!, kereta!, ke tepi!* " katanya. Nah? dalam ujaran ini ada dua perkataan yang diulang iaitu perkataan " kereta ", tujuan pengulangannya ialah untuk memperingatkan supaya kanak-kanak itu tidak leka atau menyedarkan mereka dari kelalaian yang boleh membahayakan mereka. Dalam bahasa Arab ungkapan yang seperti ini diistilahkan sebagai taukid, tetapi dalam tatabahasa Melayu pengulangan seperti ini diistilahkan dengan *kata ganda*.

Pengertian pengukuhan dalam bahasa Melayu juga berlainan dengan pengukuhan dalam bahasa Arab. Nik Sufiah dan kawan-kawan menta^crifkan bahawa pengukuhan ialah perkataan yang mendahului atau mengikuti kata adjektif dan berfungsi menguatkan maksud yang terkandung dalam kata adjektif.⁽¹⁾

1. Nik Sufiah dan kawan-kawan, Kuala Lumpur. Tatabahasa Dewan Edisi Baru. Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 247-248.

Dari definisi ini jelaslah bahawa pengukuhan dalam bahasa Melayu digunakan untuk kata adjektif (صِفَة) sahaja, sementara kata pengukuh pula terdiri dari perkataan tertentu seperti *sangat*, *paling*, *nian* dan lain-lain, seperti contoh berikut :

- Amat pandai
- Manis nian
- Sangat baik

Dalam bahasa Arab perkataan seperti ini dinamakan dengan *kata nama al-Tafdīl* (اِسْمُ التَّفْذِيلِ) atau diistilahkan dengan *sīghat al-Mubālaghat* (صِيغَةُ الْمُبَالَغَةِ). Kata nama *al-Tafdīl* ialah kata nama yang mempunyai timbangan (وَزْن) tertentu yang mengandungi makna *lebih*. *Sīghat al-Mubālaghat* ialah kata nama yang mempunyai timbangan (وَزْن) tertentu yang memngandungi makna *sangat atau amat*.

Timbangan (wazan) kata nama *al-Tafdīl* (اِسْمُ التَّفْذِيلِ) yang telah ditetapkan oleh ahli nahu di antaranya ialah (أَفْعَل), dan di antara wazan (timbangan) yang telah ditetapkan untuk *sīghat al-Mubālaghat* ialah (فَعَال)⁽¹⁾.

Contoh kata nama *al-Tafdīl* :

- Paling baik (أَحْسَنُ)
- Manis nian (أَحْلَى)

1. Dr. ^عAbd al-^عĀl Sālim Mukram, 1978. Bairut : Tatbiqāt Nahwiyyat wa Balāghiyyat, Dār al-Kutub al-^عIlmiyyat, Juz 3, hlm 77 dan 119

Contoh *sīghat al-Mubālaghat* :

- Amat pengampun (تَوَّابٌ)
- Sangat pengasih (رَحِيمٌ)

3.3.1.1 Definisi pengulangan lafaz

Ahli nahu Arab mendefinisikan pengulangan lafaz dengan *mengulang perkataan yang dahulu atau dengan sinonimnya*.⁽¹⁾

Bahasa Arab mempunyai cara atau *uslūb* tersendiri dalam membentuk ayat pengukuhan (الْجُمْلَةُ التَّوَكِيدِيَّةُ). Hal ini dapat dilihat dari definisi di atas yang menjelaskan bahawa penstrukturan pengulangan lafaz ialah dengan mengulang perkataan yang dahulu (*mua'kkad*) itu sendiri atau mengulangkan dengan perkataan yang sesinonim dengan *mua'kkad*.⁽²⁾

3.3.1.2 Mengulang perkataan yang ditaukidkan

Pengulangan perkataan yang ditaukidkan (التَّكَرُّارُ بِلَفْظِ التَّوَكِيدِ) ialah kata pengulang (*taukid*) sama dengan kata yang diulang (*mua'kkad*), baik dari segi bentuk atau makna.⁽³⁾

1. 'Abbās Hasan, (Tanpa tarikh). Cairo : Al-Nahw al-Wālī. Dār al-Ma'ārif. Juz 3, hlm 525.
2. Muhammad bin Ahmad bin 'Abd al-Bārī, 1995. Bairut : Al-Kawākib al-Durriyyat, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat, Juz 2, hlm 558
3. Abū al-Baqā' al-'Akbariyy, 1994. Binghazi : Kitāb al-Muttaba' lī Syarḥ al-Luma' (Taḥqīq Dr. 'Abd al-Ḥamid Hamad Mahmud al-Zāwiyy. Juz 2, hlm 457

Pengulangan yang sama dari segi bentuk dan makna dalam susunan ayat terbahagi kepada beberapa bahagian, sebagai rumusannya adalah seperti berikut :

1. Kata nama nyata

Pengulangan dengan kata nama nyata ialah taukid (توكيد) dan mua'kkad (مُؤَكَّد) terdiri dari kata nama nyata (اِسْمٌ ظَاهِرٌ), dengan syarat perkataan yang mengulang (taukid) hendaklah bertujuan untuk pengukuhan dan ada kesamaan makna dengan perkataan yang diulang.⁽¹⁾

Dalam surah al-Baqarah terdapat beberapa tujuan pengulangan kata nama nyata, di antaranya adalah seperti berikut :

(i). Cacian dan peringatan

Penggunaan uslūb pengulangan kata nama nyata bertujuan untuk memberi cacian dan peringatan kepada penerima, di samping itu penerima juga harus mengambil perhatian dengan serius tentang isi kandungan maklumat yang diujarkan, seperti firman Allah s.w.t :

قَوْلٍ لِلَّذِينَ يَكْتُمُونَ الْكِتَابَ بِأَيْدِيهِمْ ثُمَّ يَقُولُونَ هَذَا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ لِيُشْتَرَوْا بِهِ
ثَمَنًا قَلِيلًا قَوْلٍ لَهُمْ مِمَّا كُتِبَتْ أَيْدِيهِمْ وَرَوَّلَ لَهُمْ مِمَّا يَكْسِبُونَ

1. Muhammad Muhyi al-Din °Abd al-Hamīd, 1994. Bairut : Auḍaḥ al-Masālik al-Allīyat Ibnī Mālik. Al-Maktabat al-°Aṣriyyat. Juz 3, hlm 300.

Maksudnya : " Kecelakaan besar bagi orang-orang yang menulis kitab (Taurat) dengan tangan mereka (lalu mengubah kalam Allah dengan rekaan-rekaan mereka), kemudian mereka berkata : " Ini ialah dari sisi Allah", supaya mereka dengan perbuatan itu dapat membeli keuntungan dunia yang sedikit. Maka kecelakaan besar bagi mereka disebabkan apa yang ditulis oleh tangan mereka, dan kecelakaan besar bagi mereka dari apa yang mereka usahakan itu".⁽¹⁾

Perkataan (رِيسْل) ertinya dalam bahasa Arab ialah (أَهْلَاكٌ وَنَحْمٌ) yang diterjemahkan dalam bahasa Melayu dengan (*kecelakaan dan kemusnahan*). Ia adalah merupakan satu janji buruk dan ancaman Allah kepada pendeta-pendeta Yahudi kerana mereka sanggup meminda-mindakan isi kandungan kitab Taurat demi kepentingan diri sendiri.

Di antara fakta yang mereka pindahkan ialah sifat-sifat nabi Muhammad s.a.w, seperti حُسْنُ الْوَجْهِ (raut muka yang cantik), حُسْنُ الشَّعْرِ (rambut ikal mayang), أَكْحَلُ الْعَيْنَيْنِ (dua mata yang hitam), أَيْضُ (kulit badan yang putih) dan رُبْعَةٌ (tidak tinggi dan tidak rendah). Kemudian sifat-sifat rasulullah ini diubahsuai oleh pendeta-pendeta Yahudi dengan perkataan طَوَلٌ (tubuh badan yang tinggi), أَزْرَقُ (warna kulit kelabu) dan سَبَطُ الشَّعْرِ (rambut lurus). Setelah dibuat pemindaan pendeta-pendeta Yahudi ini berkata : "*Inilah wahyu dari Tuhan*".⁽²⁾

Perlakuan keji yang dilakukan oleh pendeta-pendeta Yahudi ini adalah

1. Surah al-Baqarah 2: 79

2. Abū al- Sa'ūd, (Tanpa tarikh). Bairut : Tafsīr Abī al-Sa'ūd aw Irsyād al-‘Aql al-Salīm ilā Mazayā al-Kitāb al-Karīm. Juz 1, hlm 145.

didorong oleh rasa takut dan kebimbangan yang mendalam tentang kedudukan mereka kerana kelahiran seorang rasul yang telah tercatat sifat-sifatnya dalam kitab Taurat itu akan mengancam kewibawaan mereka dan kepimpinan akan bertukar tangan.

Dalam ayat di atas terdapat pengulangan kata nama nyata iaitu Perkataan (رَجُلٌ), perkataan ini sama makna dan fizikalnya. Muhyi al-Din al-Darwisy mengatakan bahawa pengulangan perkataan (رَجُلٌ) adalah untuk pengukuhan.⁽¹⁾

Tujuan pengulangan dalam ayat ini adalah sebagai cacian kepada pendeta Yahudi kerana perbuatan tahriif (meminda-minda atau mereka-mereka ayat-ayat Allah) yang telah mereka lakukan dalam kitab Taurat.⁽²⁾ Pengulangan ini juga secara tidak langsung memberi peringatan kepada umat Islam bahawa orang-orang Zionis adalah golongan yang lebih menitikberatkan kepada kepentingan diri. Mereka sanggup melakukan apa sahaja untuk mencapai keinginan nafsu rakus dan buas mereka. Orang Zionis terutama pendeta-pendeta mereka adalah di antara golongan yang sesat dan menyesatkan. Oleh kerana yang demikianlah Allah s.w.t mengungkapkan kemarahan-Nya kepada pendeta-pendeta Yahudi dengan menggunakan perkataan (رَجُلٌ).

1. Muhyi al-Din al-Darwisy, 1988. Damsyiq. I'rāb al-Kur'an al-Karīm wa Bayānuh. Al-Yamāmat, Jild 1, hlm 134.

2. Dr. Wahbah al-Zuhailiyy, 1991. Bairut : Al-Tafsīr al-Munīr. Dār al-Fikr al-Mu'āsir. Juz 1, hlm 202

Muhammad ʿAlī al-Sābūniyy menjelaskan bahawa pengulangan perkataan (وَيْلٌ) adalah sebagai cacian dan kemarahan Allah kepada orang-orang Yahudi kerana jarīmat_ (kesalahan) keji yang mereka lakukan (meminda-minda kalam Allah).⁽¹⁾

(ii). Untuk peringatan dan galakan

Al-Qur'an mengajar umatnya cara berkomunikasi yang berkesan sehingga setiap ujaran yang disampaikan itu dapat merangsang, menimbulkan minat dan memberi motivasi kepada pendengar. Di antara metode yang digunakan oleh al-Qur'an ialah dengan menggunakan pengulangan kata nama nyata, seperti firman Allah s.w.t :

أُولَئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya : " Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan merekalah orang-orang yang berjaya".⁽²⁾

Dalam ayat di atas terdapat dua perkataan yang sama bentuk fizikal dan makna iaitu perkataan (أُولَئِكَ). Perkataan (أُولَئِكَ) yang kedua diirabkan sebagai pengukuhan.

Tujuan pengulangan dalam ayat ini untuk memberi galakan supaya mereka melakukan amalan seperti yang dilakukan oleh orang-orang yang

1. Muhammad ʿAlī al-Sābūniyy. 1976. Misr : Ṣafwat al-Taḥāsir. Dār al-Ṣābūniyy Jild 1, hlm 731.
2. Surah al-Baqarah 2 : 5

bertaqwa (sifat-sifat mereka telah dijelaskan oleh Allah dalam ayat-ayat yang sebelumnya) kerana orang yang bertaqwalah yang akan mendapat kejayaan sebagai mana mereka mendapat petunjuk dari Allah. ⁽¹⁾

Al-Zarkasyiyy menjelaskan, pengulangan dalam ayat ini tidak dinamakan pengukuhan lafaz tetapi ia adalah pengukuhan khabar, kerana pengukuhan lafaz tidak boleh dipisahkan dengan huruf ^ʿatf. ⁽²⁾

Penulis berpendapat, bahawa pengulangan dalam ayat tersebut adalah bertujuan untuk pengukuhan kerana dalam al-Qur'an banyak terdapat ayat-ayat pengukuhan yang dipisahkan dengan partikel ^ʿatf, di antaranya adalah seperti ayat-ayat berikut :

Firman Allah s.w.t :

أَوَلَىٰ لَكَ فَأُولَىٰ ثُمَّ أَوَلَىٰ لَكَ فَأُولَىٰ

Maksudnya : “ (Wahai orang yang kufur ingkar!) sudahlah dekat kepadamu kebinasaanmu!, kemudian api nerakalah lebih layak kepadamu, lebih layak !”. ⁽³⁾

Dalam ayat ini terdapat dua bentuk pengulangan yang menggunakan partikel ^ʿatf :

-
1. Abū al-Qāsim Jārullah Muhammad bin ʿUmar al-Zamakhshariyy. (Tanpa tarikh) Bairut : Al-Kasasyāf. Jild 1, hlm 143.
Dr. Wahbah al-Zuhailiyy, 1990. Bairut : Al-Tafsīr al-Munīr. Dār al-Fikr al-Muʿāsir. Juz 1, hlm 76
 2. Imam Badr al-Din Muhammad bin ʿAbdillāh al-Zarkasyiyy, (Tanpa tarikh). Cairo : Al-Burhān fī ʿUlūm al-Qurʿan. Juz 3, hlm 12.
 3. Surah al-Qiyāmat 75 : 34 -35

Pertama, pengulangan kata nama nyata yang dipisahkan dengan partikel ‘atf fā’ (ف) iaitu (أَوَّلَىٰ لَكَ فَأَوَّلَىٰ).

Kedua, pengulangan ayat namaan yang dipisahkan dengan huruf ‘atf thumma (ثُمَّ) iaitu (ثُمَّ أَوَّلَىٰ لَكَ فَأَوَّلَىٰ) mengulang ayat namaan yang sebelumnya. Kedua-dua pengulangan ini bertujuan untuk pengukuhan.

Al-Zamakhshariyy menegaskan, bahawa pengulangan yang memakai partikel ‘atf thumma (ثُمَّ) adalah lebih kuat atau lebih kukuh jika dibandingkan dengan pengulangan yang lain.⁽¹⁾

Dari keterangan di atas jelaslah bahawa uslūb pengulangan dalam al-Qur’an boleh dipisahkan dengan huruf ‘atf, malah pengulangan seperti ini lebih berkesan kepada pendengar jika dibandingkan dengan pengulangan yang tidak dipisahkan dengan huruf ‘atf, kerana dalam bahasa Arab apabila bertambah huruf, makna ayat akan bertambah kukuh dan kuat.⁽²⁾

2. Kata ganti nama

Kata ganti nama (ضمير) di antara komponen penstrukturan ayat, posisinya selalu silih berganti dengan kata nama nyata, kadang kala kata ganti nama menjadi pelengkap kepada kata nama nyata dan sebaliknya. Semua jenis kata ganti nama baik tersembunyi atau nyata, bersambung atau berpisah, sama ada kedudukan fleksi (إعراب)nya nominatif (مرفوع), akusatif

-
1. Abū al-Qāsim Jārullah Muhammad bin ‘Umar al-Zamakhshari al-Khawarizmiyy , (Tanpa tarikh). Bairut : Al-Kasasyāf. Dār al-Fikr. Jild 4, hlm 792.
 2. Imam Badr al-Din Muhammad bin ‘Abdillah al-Zarkasyiyy. (Tanpa tarikh). Misr: Al-Burhān fī ‘Ulūm al-Qur’an. Juz 3, hlm 34.

(مَنْصُوب) dan genitif (مَجْرُور) boleh dikukuhkan dengan kata ganti nama yang sama dengannya dengan syarat-syarat yang berikut :⁽¹⁾

- (a). Di antara pengukuh dan yang dikukuh mesti ada kesamaan dari segi tunggal, duaan, jamak, maskulin dan feminin.
- (b). Kata ganti nama pengulang mestilah kata ganti nama nyata (ضَمِيرٌ ظَاهِرٌ).

Dalam struktur ayat pengulangan dengan kata ganti nama terdapat beberapa bentuk atau cara yang boleh digunakan. perincian berkaitan dengan masalah ini adalah seperti yang berikut :

(i). Kata ganti nama nominatif bersambung

(ضَمِيرُ الرَّفْعِ الْمُتَّصِلُ)

Pengulangan kata ganti nama nominatif bersambung ialah kata ganti nama nominatif menjadi pengulang kepada kata ganti nama nominatif, akusatif dan genitif , baik kata ganti nama yang diulang itu nyata (ظَاهِرٌ) atau tersembunyi (مُسْتَتِرٌ) dengan syarat kata ganti nama yang diulang ini mestilah kata ganti nama bersambung (ضَمِيرٌ مُتَّصِلٌ).

Pengukuhan atau pengulangan yang tersebut di atas ini tidak ada percanggahan pendapat di kalangan ahli nahu Arab, sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Ibnu Mālik :

1. Al-Ṣubbān, (Tanpa tarikh). Bairut : Hāsyiyat al-Subbān ‘alā Syarḥ al-Asymuniyy. Dār al-‘Ilm. Juz 3, hlm 84

وَمُضْمَرُ الرَّفْعِ الَّذِي قَدْ انفصلَ أَكْثَرُ كُلِّ ضَمِيرٍ اتَّصلَ

Maksudnya : " Semua kata ganti nama bersambung hendaklah di kukuhkan dengan kata ganti nama nominatif berpisah).⁽¹⁾

Kata ganti nama nominatif yang menjadi pengulang atau taukid merangkumi kata ganti nama untuk orang pertama (مُتَكَلِّم), orang kedua (مُخَاطَب) dan orang ketiga (غَائِب), sama ada kata yang diulang itu kata ganti nama nyata atau tersembunyi. Perinciannya adalah seperti berikut :

(a). Kata ganti nama nominatif nyata

Pengulangan kata ganti nama nominatif nyata ialah kata pengulang dengan kata ganti nama yang diulang serupa dengan kata ganti nama nominatif nyata (ضَمِيرُ الرَّفْعِ الظَّاهِر),⁽²⁾ seperti :

عُدْتُ أَنَا مُنْتَصِرًا

(Saya kembali dengan kemenangan)

Perkataan ana (أَنَا) dan tu (تَ) adalah kata ganti nama nominatif yang sama untuk orang pertama tetapi ana (أَنَا) kata pengulang dan tu (تَ) kata yang diulang, kedua-duanya adalah kata ganti nama nominatif nyata.

Setelah penulis meneliti pengulangan kata ganti nama, ternyata bahawa pengulangan kata ganti nama nominatif nyata ini tidak terdapat dalam surah al-Baqarah.

1. Ibnu 'Aqīl, 1980 . Misr : Syarḥ Ibnu 'Aqīl 'alā Alfiyat bin Mālik. Maktabat Dār al-Turāth. Cetakan ke-20, hlm 216.

2. 'Alī Ridā, (Tanpa tarikh). Bairut : Al-Marja' fī al-Lughat al-'Arabiyyat Nahwuha wa Sharfuha. Dār al-Syirq al-'Arabiyy. Juz 2, hlm 239.

Pengulangan kata ganti nama nominatif yang terdapat dalam surah al-Baqarah hanya terdapat dua jenis sahaja iaitu :

(i). Kata ganti nama untuk orang kedua

Kata ganti nama nominatif untuk orang kedua tunggal (ضميرُ الرُّفْعِ) menjadi pengukuh kepada kata ganti nama yang sama dengannya tetapi kata ganti nama yang dikukuh adalah kata ganti nama tersembunyi (ضميرٌ مُنْتَرِ) dan taukid pula hendaklah kata ganti nama nyata (ضميرٌ بَارِز), kedudukan kata ganti nama yang diulangkan ini dari segi fleksi adalah nominatif (مَرْفُوع), seperti firman Allah s.w.t :

وَقُلْنَا يَا آدَمُ اسْكُنْ أَنتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ

Maksudnya : " Dan kami berfirman : Wahai Adam! Tinggallah engkau dan isteri engkau dalam syurga".⁽¹⁾

Perkataan anta (أَنتَ) adalah di antara kata ganti nama untuk orang kedua tunggal, dalam ayat ini ia adalah sebagai pengukuh kepada kata ganti nama yang serupa dengannya tetapi tersembunyi iaitu anta (أَنتَ) yang difleksikan sebagai pelaku (فَاعِل) bagi kata kerja (اسْكُنْ).

Uslūb pengulangan dalam ayat di atas adalah merupakan satu ujian kepada nabi Adam a.s dan isterinya dengan nikmat kehidupan yang abadi

1. Surah al-Baqarah 2 : 35

di dalam syurga dengan syarat mereka hendaklah menjauhkan diri dari sebatang pokok kayu yang telah ditentukan. Bererti kata pengulang ini adalah untuk memastikan ujian Allah memang betul-betul akan dilalui oleh nabi Adam a.s dan isterinya di dalam syurga.⁽¹⁾

(ii). Kata ganti nama untuk orang ketiga

Kata ganti nama nominatif untuk orang ketiga (ضَمِيرُ الرَّفْعِ الْغَائِبِ) menjadi pengukuh kepada kata ganti nama tersembunyi, seperti firman Allah s.w.t :

أَوْ لَا يَسْتَطِيعُ أَنْ يُمِلَّ هُوَ فَلْيُمْلِلْ وَلِيُّهُ بِالْعَدْلِ

Maksudnya : " Atau ia sendiri tidak dapat menulis (isi surat itu), maka hendaklah ditulis oleh walinya dengan adil (benar)".⁽²⁾

Kata ganti nama untuk orang ketiga iaitu (هُوَ) dalam ayat di atas adalah menjadi pengukuh kepada kata ganti nama untuk orang ketiga tersembunyi yang sama dengannya iaitu (هُوَ) yang difleksikan sebagai pelaku kepada kata kerja (يُمْلِلْ).⁽³⁾

Pengulangan dengan kata ganti nama dalam ayat ini adalah memberi penegasan kepada pertanyaan tentang keperluan mencatat atau merekod hutang piutang. Dengan adanya uslūb pengulangan terjawablah segala keraguan yang berkaitan dengan merekodkan hutang piutang di antara

-
1. Fakhr al-Din bin 'Umar, 1993. Bairut : Tafsīr al-Fakhr al-Rāziyy. Dār al-Fikr. Juz 2, hlm 4
 2. Surah al-Baqarah 2 : 282
 3. Muhammad Ṣūfī, 1990 . Bairut : I'rāb al-Kur'an wa Ṣarfuh wa Bayānuh. Dār al-Rasyīd. Juz 3, hlm 85.

pemberi dengan penerima. Di antara tujuan merekod ialah supaya tidak berlaku penipuan di antara kedua belah pihak (pemberi dan penerima hutang) dan terjamin pula kesejahteraan serta keharmonian bermasyarakat.

(b). Kata ganti nama akusatif

Pengulangan kata ganti nama akusatif (ضَمِيرُ التَّنْبِيْهِ) ialah kata pengulang nominatif dan kata ganti nama yang diulang adalah akusatif. Kata pengulang dengan kata yang diulang sama-sama kata ganti nama nyata untuk orang ketiga (ضَمِيرٌ ظَاهِرٌ), seperti :

سَلَّمْتُكَ اَنْتَ الرَّاْيَةَ

(Aku telah serahkan kepadamu bendera)

Perkataan anta (اَنْتَ) dalam ayat ini adalah pengulang atau pengukuh kepada kata ganti nama akusatif untuk orang ketiga, iaitu (كَ) yang fleksikan sebagai objek (مَفْعُوْلٌ بِهِ) kepada kata kerja (سَلَّمَ).

Firman Allah s.w.t :

اِنَّهُ هُوَ التَّوَّابُ الرَّحِيْمُ

Maksudnya : " Sesungguhnya dialah (Allah) yang amat pengampun (penerima taubat), lagi amat mengasihani".⁽¹⁾

Perkataan(هُوَ) adalah pengulang kepada kata ganti nama akusatif yang bersambung dengan partikel (اِنَّ) iaitu (هُ) yang difleksikan sebagai ism (اِسْمٌ) kepada partikel (اِنَّ).

1. Surah al-Baqarah 2 : 37

Ayat di atas diperkukuhkan dengan tiga partikel taukid, iaitu partikel inna (إِنَّ), pengulangan kata ganti nama iaitu (هُوَ) dan siġhat al-Mubālaghat (التَّوَابُ).

Uslūb pengukuhan dalam ayat di atas bertujuan supaya setiap hamba Allah wajib atau mesti bertaubat dari segala kesalahan yang dilakukannya sebagaimana yang dibuat oleh nabi Adam a.s.⁽¹⁾

Firman Allah s.w.t :

إِنَّكَ أَنتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ

Maksudnya : " Sesungguhnya engkau (Allah) jualah yang amat mengetahui lagi amat bijaksana".⁽²⁾

Perkataan (أَنتَ) dalam ayat ini adalah merupakan pengulang bagi kata ganti nama akusatif orang ketiga, iaitu (هُوَ) yang difleksikan sebagai ism inna (إِسْمُ إِنَّ).

Dalam ayat ini juga terdapat empat pengukuhan seperti mana ayat sebelumnya tetapi tujuan pengukuhan di sini bukan untuk menghilangkan keraguan atau memberi keyakinan kepada Allah s.w.t, kerana Allah mengetahui segala yang berlaku dalam alam semesta ini. Tujuan pengukuhan dalam ayat ini ialah untuk *memberi pengakuan* tentang kejahilan malaikat

1. Abū Bakr Jābir al-Jazāiriyy, (Tanpa tarikh). Misr : Aysar al-Tafāsir. Dār al-Salām. Juz 1, hlm 46
2. Surah al-Baqarah 2 : 32

disebabkan kegagalan mereka menerangkan nama-nama benda yang diminta oleh Allah s.w.t. Ahli retorik mengistilahkan uslūb ayat yang seperti ini dengan "*menguatkan kebaikan*" (يُؤَكِّدُ الْخَيْرَ) kerana besar dan mulianya kandungan ujaran.⁽¹⁾

Firman Allah s.w.t :

فَلَمَّا جَاوَزَهُ هُوَ وَالَّذِينَ آمَنُوا مَعَهُ

Maksudnya : " Setelah Ṭalut bersama-sama orang yang beriman menyeberangi sungai itu, berkatalah orang yang minum (sepuas-puasnya) : Kami pada hari ini tidak terdaya (untuk) menentang Jalut dan tenteranya".⁽²⁾

Dalam ayat ini perkataan (هُوَ) adalah pengulang kepada kata ganti nama akusatif nyata, iaitu (ذَا) yang bersambung dengan kata kerja (جَاوَزَ) yang difleksikan sebagai objek (مَفْعُولٌ بِهِ) kepadanya.

Penguken dalam ayat ini merupakan pengakuan orang-orang yang lemah iman dan mereka cuba memberi keyakinan kepada orang-orang beriman yang lain bahawa mereka tidak berkemampuan untuk menangkis serangan Jalut dan tenteranya.

Penguken seperti dalam ayat di atas boleh diistilahkan sebagai penguken untuk menghilangkan semangat juang dan ujaran seperti ini boleh memberi kesan negatif kepada pendengar.

-
1. Al-Sayyid Ahmad al-Hāsyimiyy, 1960. Cairo : Jawāhir al-Balāghat. Al-Maktabat al-Tijāriyyat al-Kubrā, hlm 63.
 2. Surah al-Baqarah 2: 249

c. Kata ganti nama genitif

Kata ganti nama genitif ialah kata pengulang nominatif dan kata yang diulang adalah kata ganti nama genitif,⁽¹⁾ seperti :

أَتَصَلَّتْ بِهِ هُوَ
(Saya telah menghubunginya)

Perkataan (هُوَ) dalam ayat ini adalah pengulang kepada kata ganti nama genitif iaitu hi (هِ) yang bersambung dengan kata sendi kata nama (حَرْفُ الْجَرِّ) iaitu (بِ) .

Dalam bahasa Arab uslūb ayat yang seperti di atas ini tidak dipertikaikan oleh ahli nahu. Tetapi setelah diteliti oleh penulis didapati pengulangan genitif seperti ini tidak terdapat dalam surah al-Baqarah.

(ii) Pengulangan kata ganti nama akusatif bersambung

Pengulangan kata ganti nama akusatif bersambung ialah kata ganti nama akusatif bersambung (ضَمِيرُ التَّنْبِيْهِ الْمُتَّصِلُ) diulang atau ditaukidkan dengan kata ganti nama akusatif berpisah, seperti :

رَأَيْتَكَ إِنَّاكَ
(Saya telah melihatmu)

1. ‘Abd al-Ḥamīd al-Sayyid Muhammad ‘Abd al-Ḥamīd, (Tanpa Tarikh). Misr : Syarḥ al-Asymuniyy. Al-Maktabat al-Azhariyyat li al-Turāth. Juz 3, hlm 158.

Perkataan *iiyāka* (إِيَّاكَ) dalam ayat ini adalah kata ganti nama akusatif berpisah dan ia menjadi pengulang kepada kata ganti nama akusatif bersambung iaitu (كَ) yang bersambung dengan kata kerja (رَأَى).

Dalam masalah pengulangan akusatif ini terdapat perbezaan pendapat di antara ahli nahu Arab dari aliran Basrah dengan aliran Kufah.

Aliran al-Basriyyin (مَذْهَبُ الْبَصَرِيِّينَ) berpendapat bahawa perkataan (إِيَّاكَ) di atas tidak boleh difleksikan sebagai pengukuh, dan jika diimbuhkan dalam ayat, fleksinya adalah sebagai badl (بَدَل). Aliran al-Kūfiyyin (مَذْهَبُ الْكُوفِيِّينَ) pula berpendapat bahawa perkataan (إِيَّاكَ) difleksikan sebagai pengukuh.⁽¹⁾

Apabila penulis perhatikan kepada masalah pengulangan akusatif, nyatalah tidak ada perbezaan antara pengulangan nominatif dengan pengulangan akusatif kerana makna kedua-duanya adalah sama. Oleh sebab itu tidak menjadi halangan jika pengulangan akusatif difleksikan sebagai pengukuh atau taukid seperti yang diutarakan oleh aliran al-Kūfiyyin.⁽²⁾

Ayat yang menggunakan pengulangan kata ganti bersambung adalah merupakan salah satu daripada gaya bahasa yang baik dan fasih kerana pengulangan ini turut digunakan oleh al-Qur'an.

Ada beberapa keperluan penggunaan pengulangan kata ganti nama bersambung, di antaranya ialah :

1. Abd Hamid al-Sayyid Muhammad 'Abd al-Hamīd. (Tanpa tarikh). Misr : Syarḥ al-Asymuniyy. Al-Maktabat al-Azhariyyat li al-Turāth. Juz 3, hlm 159
2. Mahmud Husin Mu'ālasat, 1991. Bairut : Al-Nahw al-Syāfi. hlm 392.

(a). Menghilangkan keraguan

Untuk menghilangkan keraguan pendengar terhadap ujaran yang diujarkan, pengujar boleh menggunakan pengulangan kata ganti nama, kerana ia adalah sebahagian dari pangulangan lafaz yang dapat memberi keyakinan kepada pendengar, menafikan makna kiasan dan menghilangkan dua tafsiran yang berlainan terhadap sesuatu ujaran.

(b). Boleh di^ʿaṭafkan

Dalam struktur bahasa Arab, kata nama nyata boleh di^ʿaṭafkan (عُطِفَ) kepada kata ganti nama dengan syarat kata ganti nama itu hendaklah diulang atau ditaʿkidkan terlebih dahulu,⁽¹⁾ seperti firman Allah s.w.t :

أَسْكُنْ أَنتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ

Perkataan (زَوْجٌ) di^ʿaṭafkan kepada kata ganti nama tersembunyi, iaitu (أَنْتَ) yang menjadi pelaku kepada kata kerja imperatif (أَسْكُنْ) , dan bukan di^ʿaṭafkan kepada kata ganti nama (أَنْتَ) yang nyata dalam susunan ayat itu, kerana kata ganti nama nyata (ظَاهِرٌ) tidak sama dengan kata ganti nama tersembunyi dari segi kekuatan dan tugas.

1. Abū al-Barakāt ʿAbd al-Rahman bin Muhammad bin Abī Saʿīd al-Anbāriyy, 1987. *Al-Inṣāf fī Masāil al-Khilāf*. Al-Maktabat al-ʿAṣriyyat, hlm 474-477.
Lihat ʿAbbās Hasan, (Tanpa Tarikh). Cairo : Al-Naḥw al-Wāfī. Dār al-Maʿārif Juz 3, hlm 531

**(iii) Pengulangan kata ganti nama berpisah
dengan kata ganti nama berpisah**

Pengulangan kata ganti nama berpisah dengan kata ganti nama berpisah (تَكَرَّرَ الضَّمِيرُ الْمُتَفَصَّلُ بِالضَّمِيرِ الْمُتَفَصَّلِ) ialah dua kata ganti nama berpisah yang tidak diselangi oleh perkataan lain berada dalam satu ayat dan fizikal serta makna kedua-dua kata ganti nama itu adalah sama, seperti dalam ayat yang berikut :

أَنْتُمْ أَنْتُمْ مُجْتَهِدُونَ
(Kamu betul-betul bersungguh)

Perkataan (أَنْتُمْ) yang kedua dalam ayat ini adalah pengukuh kepada (أَنْتُمْ) yang pertama. Pengulangan seperti ini digunakan dalam bahasa Arab, oleh yang demikian perkataan (أَنْتُمْ) yang kedua dalam ayat di atas dii^crābkan sebagai taukīd, tetapi penulis mendapati bahawa pengulangan kata ganti nama berpisah dengan kata ganti nama berpisah ini tidak wujud dalam al-Qur'an.

**(iv). Kata ganti nama bersambung
dengan kata ganti bersambung**

Pengulangan kata ganti nama bersambung dengan kata ganti nama bersambung (تَكَرَّرَ الضَّمِيرُ الْمُتَّصِلُ بِالضَّمِيرِ الْمُتَّصِلِ) terdapat dalam bahasa Arab, dengan syarat bahawa kata pengulang atau pengukuh hendaklah diikuti sertakan atau digabungkan dengannya perkataan yang bersambung denganyang dikukuhkan,⁽¹⁾ seperti contoh yang berikut :

1. 'Abd al-Ḥamīd al-Sayyid Muhammad 'Abd al-Ḥamīd. Misr : Syarḥ al-Asymuniyy. Al-Maktabat al-Azhariyyat li al-Turāth. Juz 3, hlm 153.

كُنْتُ كُنْتُ فَانْزَا
(Engkau berjaya)

إِنَّهُ إِنَّهُ مُهَنْدِسٌ
(Sesungguhnya dia adalah Jurutera)

Kata ganti nama untuk orang kedua pada perkataan (كُنْتُ) yang diistilahkan dengan kata ganti nama orang yang dihadapkan cakap (صَمِيرُ الْمُخَاطَبِ) dan kata ganti nama untuk orang ketiga (هُ) pada perkataan (إِنَّهُ) yang diistilahkan dengan kata ganti orang ketiga (صَمِيرُ الْغَائِبِ), kedua-dua bentuk pengulangan ini adalah diirābkan sebagai pengukuh.

Sepintas lalu kita akan menyangka contoh di atas adalah pengulangan ayat, tetapi sebenarnya ia adalah pengulangan kata ganti nama bersambung, kerana kata ganti nama bersambung tidak boleh berdiri sendiri tanpa disambungkan dengan perkataan yang sama dengan mua'kkad. Dan kata ganti ini juga tidak boleh disambungkan terus kepada kata ganti nama yang dikukuhkan, seperti (كُنْتُ) dan (إِنَّهُ), sebab penyambungan seperti ini disamping tidak pernah digunakan oleh orang arab, ia juga berat untuk ditutur dan tidak sedap didengar. Ahli retorik mengkategorikannya sebagai perkataan yang tidak fasih kerana terdapat kecacatan yang boleh merosakkan kefasihan dan kecacatan tersebut mereka istilahkan dengan tanāfur al-Ḥurūf (تَنَافُرُ الْحُرُوفِ).⁽¹⁾

Apabila demikian keadaannya (bersambung dua kata ganti nama) bererti ayat itu tidak ada kefasihan, seterusnya ia tidak patut digunakan. Hal ini telah ditegaskan oleh Ibnu Mālik :

1. 'Abd al-Hakim Hasan Na'ānī, 1992. Misr : Al-Manār .(Ulang cetak : Daiyan Dār al-Na'im SDN.BHD. A- 5315, Jln sultan Yahya Putra, Lundang, Kelantan).

وَلَا تُعَدُّ لَفْظٌ ضَمِيرٌ مُتَّصِلٌ إِلَّا مَعَ اللَّفْظِ الَّذِي بِهِ وُصِّلَ

Maksudnya : " Lafaz kata ganti nama bersambung tidak boleh diulang malainkan diulangkan kembali perkataan yang bersambung dengan yang dikukuhkan".⁽¹⁾

(v). Syarat pengulangan kata ganti nama

(شُرُوطُ تَكَرُّارِ الضَّمِيرِ)

Dari keterangan di atas jelaslah bahawa pengulangan kata ganti nama digunakan oleh masyarakat Arab dan sebahagian dari pengulangan itu berlaku dan digunakan dalam al-Qur'an. Sungguhpun demikian dalam pemakaian pengulangan kata ganti nama hendaklah memenuhi tiga syarat :

- (a). Sama di antara pengulang dengan yang diulang dari segi makna.
- (b). Kata ganti nama pengulang adalah tambahan dan tidak mengurangkan makna jika dibuangkan.
- (c). Kata ganti nama yang diulang tidak mempunyai sebarang kedudukan dalam fleksi (لَا مَحَلَّ لَهُ مِنَ الْإِعْرَابِ) selain daripada tujuan pengukuhan kecuali kata ganti nama itu damīr al-Faṣl (ضَمِيرُ الْفَصْلِ).

3. Pengulangan ḥarf (partikel)

Pengulangan partikel adalah salah satu dari taukīd lafaz yang lumrah

1. Ibnu ʿAqīl , 1980. Misr : Syarḥ Ibnu ʿAqīl ʿala Alfīyat bin Mālik. Maktabat Dār al-Turāth. Juz 3, hlm 215.

atau selalu digunakan dalam bahasa Arab untuk mengukuhkan ujaran semasa berintraksi dan kadang kala taukid dengan partikel boleh menjadi motivasi kepada penerima.

Pengulangan partikel yang bertujuan pengukuhan boleh dibahagikan kepada dua bahagian seperti yang berikut :

(i). Pengulangan partikel tanpa syarat

Yang dimaksudkan dengan pengulangan partikel tanpa syarat ialah bahawa partikel itu diulang dengan bentuk fizikal yang sama tanpa syarat yang khusus dalam pengulangannya. Ahli tatabahasa Arab mengistilahkan partikel pengulangan tanpa syarat ini dengan partikel *jawab*, dan penggunaannya dalam ayat partikel ini terdiri daripada dua jenis, iaitu : ⁽¹⁾

(a). Partikel jawab positif

Partikel jawab positif terdiri daripada perkataan : *بَلَى* , *إِى* , *أَجَلْ* , *جَيِّزٌ* , *نَعَمْ* , perkataan-perkataan ini dari bentuk fizikal nampak berlainan tetapi maknanya adalah sama, iaitu (*نَعَمْ*) ertinya *ia*. Sungguhpun makna partikel-partikel ini sama namun penggunaan dalam ayat adalah sebaliknya.

1. ¹Abbās Hasan, (Tanpa tarikh). Cairo : Al-Nahw al-Wālī. Dār al-Ma‘ārif. Juz 3, hlm 531.
Dan Ibnu ²Aqīl, 1980. Cairo : Syarḥ Ibnu ³Aqīl ‘alā Alfīyaṭ bin Mālīk. Maktabat. Dār al-Turāth. Juz 3, hlm 216

Partikel (بَلَى) digunakan untuk menjawab pertanyaan negatif dari huruf tanya (حُرُوفُ الْإِسْتِفْهَام) diiringi oleh perkataan yang membawa makna *tidak* atau *bukan*,⁽¹⁾ seperti seseorang bertanya kepada temannya tentang kualiti udara : " أَلَيْسَ الْجَوُّ نَقِيًّا ؟ " (adakah udara bersih). Temannya hendaklah menjawab dengan : بَلَى، بَلَى.

Partikel (نَعَمْ) dan selainnya digunakan untuk menjawab pertanyaan positif, iaitu sebalik dari apa yang berlaku kepada partikel (بَلَى), seperti : هَلْ أَفْطَرْتَ (adakah awak sudah bersarapan). Orang yang ditanya hendaklah menjawab dengan : نَعَمْ، نَعَمْ.

(b). Partikel jawab negatif

Partikel jawab negatif digunakan untuk memberi jawapan kepada pertanyaan positif dan negatif. Untuk kategori ini partikel yang digunakan hanya *lā* (لَا) sahaja, seperti contoh-contoh yang berikut :

- Ayat positif : هَلْ أَكَلْتُ (adakah awak sudah makan).
Jawapannya : لَا ، لَا (tidak)
- Ayat negatif : أَلَسْتُ مُدْرِسًا (bukankah awak seorang guru).
Jawapannya : لَا ، لَا

Dari contoh-contoh di atas, jawapan bagi pertanyaan adalah sama, baik

1. Imam Jalāl al-Dīn al-Sayūṭīyy, 1979. Bairut : AL-Itqān fī ‘Ulūm al-Qur’ān. Dār al-Fikr. Juz 1, hlm 160.

pertanyaan itu positif atau negatif, dan partikel (٤) yang kedua adalah sebagai taukīd. ⁽¹⁾

Setelah penulis meneliti tentang pengulangan partikel jawab baik negatif atau positif kedua-duanya tidak digunakan dalam uslūb al-Qur'an. Faktor utama al-Qur'an tidak menggunakan pengulangan dengan partikel jawab adalah untuk menjaga kemurnian al-Qur'an dari bahasa yang tidak berkualiti yang boleh merendahkan nilai uslūb al-Qur'an, kerana dalam bahasa Arab pengulangan partikel jawab digunakan dalam situasi yang bukan formal sahaja, hal ini dapat dilihat dalam masyarakat Arab sendiri. Dalam keadaan yang berbentuk rasmi atau formal baik melalui tulisan atau lisan komuniti Arab tidak menggunakan pengulangan partikel jawab, walaupun penggunaan partikel jawab wujud dalam masyarakat Arab tetapi ia digunakan dalam bentuk yang terhad iaitu dalam keadaan kasual sahaja. Ini membuktikan bahawa pengulangan partikel jawab merupakan bahasa yang tidak standard atau berkualiti rendah. Apabila keadaan sedemikian, pengulangan ini tidak wajar digunakan dalam Al-Qur'an demi untuk menjaga keluhuran dan ketinggian bahasanya.

(ii). Pengulangan partikel bersyarat

Selain dari partikel jawab di atas, terdapat satu jenis lagi partikel yang boleh dijadikan untuk pengukuhan tetapi partikel ini mempunyai syarat

1. Ibnu 'Aqīl, 1980. Cairo : Syarh Ibnu 'Aqīl 'alā Alfīyat Ibnu Mālik. Maktabat Dār al-Turāth. Juz 3, hlm 216

tertentu iaitu partikel pengukuh mestilah membawa kembali perkataan yang bersambung dengan perkataan yang dikukuh, baik perkataan yang bersambung itu sendiri atau dengan kata ganti namanya.⁽¹⁾ Contohnya adalah seperti yang berikut :

إِنَّ الطُّلَّابَ إِنَّ الطُّلَّابَ نَاجِحُونَ
(Sesungguhnya pelajar itu berjaya)

إِنَّ الطُّلَّابَ إِنَّهُمْ نَاجِحُونَ
(Sesungguhnya pelajar itu berjaya)

Yang dimaksudkan dengan pengulangan dalam dua ayat tersebut ialah pengulangan partikel (إِنَّ). Partikel (إِنَّ) yang kedua adalah untuk tujuan pengukuhan dan partikel ini masih diikuti oleh perkataan (الطُّلَّابَ) sebagaimana pada partikel (إِنَّ) yang pertama. Dalam ayat yang kedua partikel (إِنَّ) yang menjadi pengukuh dihubungkan dengan kata ganti nama dari perkataan (الطُّلَّابَ), iaitu (هُمْ). Ibnu Mālik menjelaskan :

كَذَا الْخُرُوفُ غَيْرُ مَا تَحْصُلَا بِهْ جَوَابٌ : كَنَعَمْ وَكَبَلَى

Maksudnya : " Begitu juga partikel (diulangkan perkataan yang bersambung dengan partikel yang dikukuhkan) kecuali partikel yang berpungsi sebagai jawab, seperti perkataan (نَعَمْ) dan (بَلَى).⁽¹⁾

Pengulangan seperti ini terdapat dalam surah al-Baqarah dan juga dalam surah-surah lain, seperti firman Allah s.w.t :

1. 'Abd al-Ḥamīd al-Sayyid Muhammad 'Abd al-Ḥamīd. (Tanpa tarikh). Misr : Syarḥ al-Asymuniyy. Al-Maktabat al-Azhariyyat li al-Turāth. Juz 3, hlm 153.

وَلَمَّا جَاءَهُمْ كِتَابٌ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ مُصَدِّقٌ لِمَا مَعَهُمْ وَكَانُوا مِنْ قَبْلُ يَسْتَفْتِحُونَ
عَلَى الَّذِينَ كَفَرُوا فَلَمَّا جَاءَهُمْ مَا عَرَفُوا كَفَرُوا بِهِ فَلَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الْكَافِرِينَ

Maksudnya : " Dan tetekala datang kepada mereka sebuah kitab (al-Qur'an), yang mengesahkan apa yang ada pada mereka (kitab Taurat), sedangkan mereka sebelum itu senantiasa memohon (kepad Allah) kemenangan atas kaum kafir musyrik (dengan kedatangan seorang nabi pembawa kitab itu). Setelah datang kepada mereka apa yang mereka sedia mengetahui kebenarannya (nabi Muhammad dan al-Qur'an), mereka mengingkarinya, maka (dengan demikian), laknat Allah menimpa orang-orang yang kafir ingkar itu".⁽¹⁾

Perkataan (لَمَّا) yang kedua adalah pengukuh kepada (لَمَّا) yang pertama. Selain daripada untuk pengukuhan, pengimbuhan (لَمَّا) yang kedua adalah disebabkan terdapat susunan ayat yang panjang di antara kedua-dua (لَمَّا).⁽²⁾

Dalam surah lain, seperti firman Allah s.w.t :

أَيُّدُكُمْ أَلْأَيْدُكُمْ إِذَا مِتُّمْ وَكُنْتُمْ تُرَابًا وَعِظَامًا أَأَنْتُمْ مُخْرَجُونَ

Maksudnya : " Patutkah ia menjanjikan kamu, bahawa sesungguhnya apabila kamu mati dan menjadi tanah dan tulang-tulang kamu akan dikeluarkan (dari kubur hidup semula)."⁽³⁾

1. Surah al-Baqarah 2 : 89

1. Imam Badr al-Din Muhammad bin 'Abdillah al-Zarkasyiyy, (Tanpa tarikh). Cairo : Al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'an. Maktabat Dār al-Turāth. Juz 3, hlm 389.

3. Surah al-Mu'minūn 23 : 35

-Pengulangan yang dimaksudkan ialah partikel (اِنَّ) yang kedua, partikel ini sebagai pengukuh kepada partikel (اِنَّ) yang pertama dan ia masih membawa perkataan yang bersambung dengan mua'kkad.

Firman Allah s.w.t :

فَفِي رَحْمَةِ اللَّهِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Maksudnya : " Maka (mereka) berada dalam limpahan rahmat Allah (syurga), mereka kekal di dalamnya".⁽¹⁾

Pengulangan dalam ayat ini ialah kata sendi nama iaitu huruf fī (فِي) yang kedua yang diikuti dengan kata ganti nama sebagai ganti perkataan (رَحْمَةً).

Tujuan pengulangan ini ialah untuk menjelaskan bahawa rahmat dari Allah adalah penting untuk mendapat kehidupan yang abadi dalam syurga, dengan yang demikian sebarang keraguan mengenai fungsi rahmat Allah dapat dihindarkan.

4. Pengulangan kata kerja

Pengulangan kata kerja (فِعْلٌ) digunakan dalam bahasa Arab, hal ini dapat dilihat dalam buku-buku nahu bahasa Arab dan boleh dikatakan semua ahli linguistik Arab bersetuju tentang pengulangan kata kerja. Contohnya seperti yang berikut :

ذَهَبَ ذَهَبٌ مُّعَلِّمٌ

(Guru telah pergi)

1. Surah Āli 'Imrān 3: 107

Perkataan (ذَهَبَ) yang kedua dalam ayat ini adalah untuk pengukuhan. Apabila pengkaji perhatikan dari segi penggunaan kata kerja adalah ia amat sedikit sekali, baik semasa berintraksi atau dalam karya penulisan. Sebahagian ahli nahu Arab menjadikan syair berikut sebagai menguatkan pendapat mereka tentang wujudnya pengulangan kata kerja :

فَأَيْنَ إِلَى أَيْنَ التَّجَاءُ بِيَعْلَتِي أَتَاكَ أَتَاكَ اللَّاحِقُونَ أَحْسَنُ

Maksudnya : " Kemana baghal (peranakan kuda dan keledai) saya menghilangkan diri, lalu saya berpesan kepada orang yang menemuinya : Jika kamu menemuinya tahankan.⁽¹⁾

Dalam syair di atas terdapat kata kerja yang diulang iaitu perkataan (أَحْسَنُ) yang difleksikan sebagai pengukuh.

Kalau dilihat tentang fizikal dua perkataan ini memang sama, begitu juga maknanya, tetapi jika diirabkan terdapat lagi dua perkataan yang distilahkan dengan kata ganti nama wajib tersembunyi (ضَمِيرٌ مُسْتَرٌ وَجُوبٌ) iaitu (أَتَاكَ) yang menjadi pelaku kepada kata kerja, kerana perkataan (أَحْسَنُ) adalah imperatif (فِعْلٌ أَمْرٌ) untuk maskulin yang wajib menyembunyikan kata ganti nama. Apabila keadaannya sedemikian, maka tidak bolehlah dikategorikan dalam pengulangan kata kerja, dan yang paling tepat ialah digolongkan dalam pengulangan ayat kerjaan (جُمْلَةٌ فِعْلِيَّةٌ). Berkaitan dengan perkataan (أَتَاكَ), ada dikalangan ahli linguistik yang menggolongkannya dalam bab tanāzu^o (dua perkataan yang sama mempunyai tugas yang sama kepada satu perkataan) kerana pada kata kerja terdapat objek yang sudah tentu ada pelaku.

1. Abū Muhammad ʿAbdullāh Jamāl al-Dīn bin Hisyām al-Anṣār, 1994 . Bairut : Syarḥ Qaṭr al-Nadā wa Bal al-Ṣadā. Al-Maktabat al-ʿAṣriyyat hlm 481.

Penulis berpendapat bahawa penggunaan pengulangan kata kerja adalah sangat terhad sekali walaupun dalam bahasa Arab terdapat pengulangan kata kerja untuk tujuan pengukuhan, tetapi dalam struktur al-Qur'an pengulangan kata kerja tidak berlaku.⁽¹⁾ Hal ini disebabkan oleh pengulangan kata kerja berat ditutur, tidak begitu sedap didengar dan tidak praktikel untuk digunakan.

Al-Qur'an adalah kalam Allah dan laras-laras bahasa yang digunakan di dalamnya hendaklah bersih dari perkataan yang tidak digemari atau tidak fasih. Seandainya perkataan yang tidak disukai terdapat dalam al-Qur'an bererti ia mengandungi unsur-unsur kekurangan dan akhirnya ia boleh dipertikaikan oleh orang-orang yang anti Islam dan selalu mencari peluang untuk merendah-rendahkan kualiti al-Qur'an. Sedangkan al-Qur'an adalah sebuah kitab yang lengkap dan sempurna. Kesempurnaan ini telah dijelaskan oleh Allah s.w.t, seperti firmanNya :

مَا فَرَّطْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ

Maksudnya : " Tiada kami meninggalkan sesuatu pun dalam kitab (al-Qur'an) ini".⁽²⁾

Ayat ini menjelaskan bahawa di dalam al-Qur'an segala-segalanya telah lengkap dan boleh dijadikan rujukan dalam segenap aspek dan bidang, termasuk tentang ketatabahasa Arab. Tetapi jika terdapat bahasa yang

1. Abd al-Ḥamīd al-Sayyid Muhammad ʿAbd al-Ḥamīd, (Tanpa tarikh). Caiaro : Syarḥ al-Asymuniyy. Al-Maktabat al-Azhariyyat li al-Turāth. Juz 3, hlm 80.

2. Surah al-Anʿām 6: 38

tidak digemari kerana sebab-sebab tertentu, al-Qur'an tidak menggunakannya meskipun bahasa itu dipakai dalam masyarakat Arab, kerana penggunaan bahasa yang seumpama ini akan memberi kesan negatif terhadap kemurnian tatabahasa al-Qur'an.

Berkemungkinan ada yang berpendapat bahawa Allah mengutuskan nabi Muhammad s.a.w dengan menggunakan bahasa kaumnya tetapi kenapa uslūb bahasa (pengulangan kata kerja) kaumnya tidak digunakan dalam kitab al-Qur'an yang merupakan mu'jizat yang paling agong baginya, seperti firman Allah s.w.t :

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانٍ قَوْمِهِ لِيُبَيِّنَ لَهُمْ

Maksudnya : " Dan kami tidak mengutuskan seseorang rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya ia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka.⁽¹⁾

Ayat di atas Allah menyuruh nabi Muhammad s.a.w menyampaikan syariat Allah dengan menggunakan bahasa kaumnya iaitu bahasa Arab. Begitu juga al-Qur'an diturunkan dengan bahasa Arab yang merupakan sumber rujukan rasmi bagi tatabahasa bahasa Arab. Tanda tanya yang timbul ialah kenapa al-Qur'an tidak menggunakan pengulangan kata kerja, sedangkan masyarakat Arab menggunakannya, seolah-olah berlaku *double standard* dimana al-Qur'an diturunkan dengan bahasa Arab tetapi sebahagian laras bahasa Arab tidak terdapat penggunaannya dalam al-Qur'an.

1. Surah Ibrāhīm 14 : 4

Sebenarnya tidak berlaku *double standard* dalam masalah ini, kerana al-Qur'an mengajar yang terbaik kepada manusia dalam semua bidang termasuk dalam struktur bahasa. Berkaitan dengan pengulangan kata kerja, al-Qur'an menggunakan laras ini, tetapi dalam bentuk yang lebih baik dan sempurna yang diistilahkan dengan *menguatkan kata kerja dengan kata terbitan tak berkala* (تَأْكِيدُ الْفِعْلِ بِالصَّادِرِ).

Apabila seseorang berkata : ذَهَبَ إِلَيْهِ دَهَابًا, adalah sama maksudnya dengan ia berkata : ذَهَبَ ذَهَبٌ كَثِيرٌ (dia telah pergi kepadanya),⁽¹⁾ seperti firman Allah s.w.t :

صِبْغَةَ اللَّهِ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ صِبْغَةً وَنَحْنُ لَهُ عَابِدُونَ

Maksudnya : " (Katakanlah wahai orang-orang yang beriman : Agama Islam yang kami telah sehati dengannya ialah) celupan Allah (yang menunjukkan seluruh kehidupan kami dengan corak Islam) dan siapa yang lebih baik celupannya daripada Allah? (kami tetap percayakan Allah) dan kepadanya jualah kami beribadat".⁽²⁾

Perkataan (صِبْغَةً) yang pertama adalah maṣḍar (kata terbitan tak berkala) yang difleksikan sebagai maf'ūl mutlaq (مَفْعُولٌ مَطْلَقٌ) kepada kata kerja yang dianggapkan (مُقَدَّرَةٌ) iaitu (صَبَّغًا). Kata terbitan adalah sama dengan mengulang kata kerja, bererti kewujudan perkataan (صِبْغَةً) dalam ayat ini adalah untuk pengukuhan yang diistilahkan dengan maṣḍar mua'kkid (مَصْدَرٌ مُؤَكِّدٌ).⁽³⁾

1. Imam Badr al-Din Muhammad bin 'Abdillāh al-Zarkasyiyy. (Tanpa tarikh). Bairut: Al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'an. Dār al-Fikr. Juz 2, hlm 392

2. Surah al-Baqarah 2 : 138

3. Abū al-Qāsim Jārullāh Muhammad bin 'Umar al-Zamakhshariyy, (Tanpa tarikh). Bairut : Al-Kasasyāf. Dār al-Fikr. Juz 1, hlm 316. Lihat Dr. Wahbah al-Zuhailiyy, 1991. Bairut : Al-Tafsīr al-Munīr. Dār al-Fikr al-Mu'āsir. Juz 1, hlm 328.

5. Pengulangan ayat

Pengulangan ayat adalah salah satu daripada bentuk pengukuhan yang banyak digunakan dalam al-Qur'an. Ia merupakan satu keistimewaan susunan ayat al-Qur'an yang tidak akan didapati dalam mana-mana kitab atau karya kesusasteraan di alam fana ini. Hal yang tersebut ini boleh dilihat seperti yang terdapat dalam surah al-Rahman ayat (فَبِأَيِّ آءَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ) diulang sebanyak tiga puluh satu kali. Dalam surah al-Mursalāt ayat (وَبَلَّ يَوْمَئِذٍ) diulang sebanyak sepuluh kali dan begitu juga dalam surah-surah lain.

Pengulangan seperti ini adalah diluar kemampuan dan kudrat manusia, dengan kata lain ia adalah sebahagian daripada keindahan dan keanihan susunan al-Qur'an. Inilah salah satu dari cara pengukuhan lafaz yang boleh memberi kesedaran, keinsafan, motivasi kepada manusia yang menginginkan kehidupan harmoni, selamat, damai , bahagia di dunia dan akhirat.

Kebanyakan pengulangan ayat dalam al-Qur'an dipisahkan dengan partikel [°]atf (عَظْف), sungguhpun demikian nabi s.a.w menggunakan pengulangan ayat tetapi tidak dipisahkan ayat yang diulang itu dengan partikel [°]atf, seperti sabda nabi s.a.w :

وَاللّٰهُ لَأَغْزُونَ قُرَيْشًا

Maksudnya : " Demi Allah saya akan perangi kaum Quraisy.

Nabi s.a.w mengulang ayat ini sebanyak tiga kali tanpa memisahkan dengan partikel [°]atf.

Kesimpulannya, pengulangan ayat boleh dipisahkan dengan partikel [‘]atf atau sebaliknya kerana kedua-dua uslūb ini digunakan dalam sumber rasmi tatabahasa Arab iaitu al-Qur'an dan Hadith, tetapi ahli nahu Arab tidak membenarkan perkataan (كَلِمَةً) dipisahkan dengan partikel [‘]atf.

Pengulangan ayat dalam bahasa Arab terdiri daripada beberapa bentuk seperti yang berikut :

(i).Pengulangan ayat namaan

Pengulangan ayat namaan (الْجُمْلَةُ الْإِسْمِيَّةُ) ialah dua kata namaan atau lebih diulang dengan perkataan yang seumpamanya, seperti :

الْبَيْتُ جَمِيلٌ الْبَيْتُ جَمِيلٌ
(Rumah itu sungguh cantik)

Ayat namaan yang kedua adalah mengulang ayat namaan yang pertama yang bertujuan untuk pengukuhan, seperti firman Allah s.w.t :

أُولَىٰ لَكَ فَأُولَىٰ ثُمَّ أُولَىٰ لَكَ فَأُولَىٰ

Al-Zamakhshariyy menjelaskan bahawa pengulangan ayat yang dipisahkan dengan partikel [‘]atf adalah lebih kukuh dari pengulangan yang lain.⁽¹⁾

Setelah penulis mengkaji dengan teliti didapati bahawa pengulangan ayat namaan tidak terdapat dalam surah al-Baqrah.

1. Abū Al-Qāsim Jārullah Mahmud ‘Umar al-Zamakhshariyy, (Tanpa tarikh). Bairut : Al-Kasysyāl. Dār al-Fikr. Jld 4, hlm 792.

(ii). Pengulangan ayat kerjaan

Pengulangan ayat kerjaan (الْجُمْلَةُ الْفَعْلِيَّةُ) banyak terdapat dalam al-Qur'an baik untuk tujuan pengukuhan atau sebaliknya. Di antara ayat-ayat tersebut adalah seperti yang berikut :

Firman Allah s.w.t :

قُلْنَا اهْبِطُوا مِنْهَا جَمِيعًا

Maksudnya : “ Kami berfirman lagi : turunlah kamu semua dari syurga itu”.⁽¹⁾

Ayat kerjaan (قُلْنَا اهْبِطُوا) adalah pengulang kepada ayat kerjaan (وَهَبْنَا إِبْرَاهِيمَ إِسْحَاقَ وَيُحْيَىٰ) yang terdapat dalam ayat sebelumnya. Dalam ayat ini terdapat dua set ayat kerjaan iaitu (قُلْنَا) dan (اهْبِطُوا) , masing- masing tersusun dari kata kerja dan pelaku (فَعْلٌ وَفَاعِلٌ).

Pengulangan ayat kerjaan ini adalah untuk pengukuhan yang bertujuan sebagai peringatan dan pemberitahuan kepada nabi Adam a.s dan isterinya supaya mereka jangan ada sebarang keraguan tentang pengusiran mereka dari syurga.⁽²⁾

Firman Allah s.w.t :

وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ

1. Surah al-Baqarah 2: 38

2. Abū Sa'ūd, (Tanpa tarikh), Bairut : Tafsīr Abī Sa'ūd, Dār al-Fikr. Juz 1, hlm 113

Maksudnya : " Dan dimana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya (Masjid al-Harām)".⁽¹⁾

Ayat ini diulang sebanyak tiga kali , iaitu seperti firman Allah s.w.t :

وَمَنْ حَيْثُ خَرَجْتَ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ

Maksudnya : " Dan dari mana sahaja engkau keluar (untuk mengerjakan sembahyang), maka hadapkanlah mukamu ke arah Masjid al-Haram".⁽²⁾

Ayat seperti ini juga diulang dalam ayat berikutnya, seperti firman Allah s.w.t.⁽³⁾

وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ

Dalam ayat-ayat di atas tadi ayat kerjaan (الْجَمْلَةُ الْفَعْلِيَّةُ) yang pertama diulang sebanyak tiga kali. Pengulangan ini bertujuan untuk pengukuhan.⁽⁴⁾ Ada dua sebab utama maka ayat ini diulang beberapa kali :

(a). Salah tanggapan

Supaya dapat melenyapkan segala sangkaan orang-orang Yahudi terhadap nabi Muhammad s.w.a, kerana mereka menduga dan beranggapan bahawa agama yang dipelopori oleh nabi Muhammad s.a.w adalah sama dengan agama yang dianut oleh orang-orang Yahudi kerana kedua-duanya sama-sama berkiblat ke Masjid al-Aqsā (مَسْجِدُ الْأَقْصَى). Tetapi setelah turun ayat

1. Surah al-Baqarah 2 : 144

2. Surah al-Baqarah 2 : 149

3. Surah al-Baqarah 2 : 150

4. Muhyi al-Din al-Darwisy, 1988. Damsyiq : l'arab al-Qur'an al-Karīm. Al-Yamāmat, Jld 1, hlm 212

tentang perubahan kiblat bagi orang-orang Islam, iaitu menghadap ke Masjid al-Ḥarām (مَسْجِدُ الْحَرَامِ), maka orang-orang Yahudi Madinah sedar bahawa agama yang dibawa oleh nabi Muhammad s.a.w tidak sama dengan agama Yahudi.

(b). Memberi keyakinan

Supaya dapat memberi kemantapan, ketenangan dan tasliyat (penghibur) kepada nabi Muhammad s.a.w, setelah enam belas bulan baginda beserta sahabat-sahabatnya berkiblat ke Bait al-Maqdis (Masjid al-Aqsā) kemudian diizinkan oleh Allah menukar arah kiblat ke Masjid al-Ḥarām.

Firman Allah s.w.t :

وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ.
وَأَقْلَبْهُمْ حَيْثُ تُفْقِئُهُمْ وَأَخْرِجُوهُمْ مِّنْ حَيْثُ أَخْرَجُوكُم

Maksudnya : " Dan perangilah kerana (menegak dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu, dan jangan kamu menceroboh (dengan memulakan peperangan), kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang menceroboh. Dan bunuhlah mereka (musuh yang memerangi kamu) dimana sahaja kamu dapati mereka, dan usirlah mereka dari tempat yang mereka telah mengusir kamu".⁽¹⁾

Perkataan (وَأَقْلَبْهُمْ) adalah ulangan perkataan (وَقَاتِلُوا), kedua-dua perkataan ini terdiri daripada ayat kerjaan yang bertujuan untuk pengukuhan.⁽²⁾

1. Surah al-Baqarah 2 : 190-191

2. Muhyi al-Din Darwisy, 1988. Damsyiq : I'ṣrāb al-Qur'an al-Karīm. Al-Yamāmat, Jld 1, hlm 281

Firman Allah s.w.t :

فَإِذَا أَقْبَضْتُمْ مِنْ عَرَفَاتٍ فَادْكُرُوا اللَّهَ عِنْدَ الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ وَاذْكُرُوا كَمَا هَدَاكُمْ

Maksudnya : "Kemudian apabila kamu bertolak turun dari padang Arafah (menuju ke Muzdalifah) maka sebutlah nama Allah (dengan berdoa, talbiyah dan tasbih) di tempat al-Masy^car al-Haram (di Muzdalifah) dan ingatlah kepada Allah dengan menyebut-Nya sebagaimana ia telah memberi pertunjuk hidayah kepada kamu".⁽¹⁾

Dalam ayat ini terdapat dua ayat yang berulang iaitu perkataan (اذْكُرُوا اللَّهَ) yang diulang dengan (اذْكُرُوا). Apabila dii^crābkan kedua-dua perkataan ini, kedua-duanya tersusun dari kata kerja, pelaku dan objek (مَفْعُولٌ بِهِ), bererti kedua-duanya adalah ayat kerjaan. Tujuan pengulangan ayat kerjaan ini adalah sebagai pengukuhan.⁽²⁾

Dari uraian pengulangan dengan kata kerja dan pengulangan dengan ayat kerjaan di atas tadi, maka sebagai kesimpulannya adalah seperti yang berikut :

(a). Sama bilangan huruf dan wazan

Kata kerja pengulang dengan yang diulang sama dari segi bilangan huruf dan wazan, seperti :

فَارَزَ مُحَمَّدٌ

(Muhammad telah berjaya)

1.Surah al-Baqarah 2 : 198

2.Muhyi al-Din al-Darwisy. 1988. Op.cit. Jld 1, hlm 297

Perkataan (فَازَ) yang kedua dalam ayat ini adalah pengukuh atau taukid, bilangan huruf dan wazannya sama dengan kata kerja yang diulang.

(b). Sama bilangan huruf berlainan wazan

Terdapat juga pengulangan yang sama banyak bilangan huruf tetapi wazannya (timbangannya) berlainan, seperti firman Allah s.w.t :

وَأَقْتُلُوهُمْ حَيْثُ تَقِفْتُمُوهُمْ

Perkataan (أَقْتُلُوا) dalam ayat ini adalah pengukuhan kepada perkataan (قَاتِلُوا) dalam ayat yang sebelumnya, dua perkataan ini adalah sama bilangan huruf tetapi wazan berlainan. Keadaan seperti ini banyak berlaku dalam al-Qur'an, di antaranya seperti firman Allah s.w.t :

فَمَهْلُ الْكَافِرِينَ أَهْلُهُمْ رُوتِدَا

Maksudnya : " Oleh itu, janganlah engkau hendak segera kebinasaan orang-orang kafir itu, berilah tempoh kepada mereka sedikit masa).⁽¹⁾

Dalam ayat ini kata kerja (أَهْلُ) adalah pengukuh kepada perkataan (مَهْلُ), kata kerja pengulang di sini tidak sama wazan dengan kata yang diulang tetapi bilangan huruf kedua-dua kata kerja ini adalah sama.

(c). Tujuan perubahan wazan

Wazan (timbangan perkataan) adalah salah satu unsur penting dalam bahasa Arab, selain daripada untuk pemerolehan makna dari kamus ia juga

1. Surah al-Tāriq 86 : 17

menunjukkan perubahan makna apabila wazan perkataan itu berubah bentuk atau bertambah huruf,⁽¹⁾ seperti firman Allah s.w.t :

لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ

Maksudnya : “ Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakan, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya.”⁽²⁾

Perkataan (اِكْتَسَبَتْ) adalah kata kerja pengulang bagi kata kerja (كَسَبَتْ) , bilangan huruf kata pengulang lebih banyak dari kata yang diulang dan juga maknanya lebih kuat dan lebih kukuh kerana (كَسَبَتْ) ialah usaha yang baik dan (اِكْتَسَبَتْ) ialah usaha buruk. Melakukan perbuatan buruk usahanya lebih serius jika dibandingkan dengan berusaha untuk kebaikan kerana perkara buruk lebih diingini dan diminati oleh nafsu.⁽³⁾

6. Pengulangan Kata kerja dengan kata nama

Terdapat satu bentuk lagi pengulangan dalam al-Qur'an iaitu pengulangan kata kerja dengan kata nama. Walaupun istilah pengulangan ini tidak dijelaskan dalam buku-buku nahu bahasa Arab. Tetapi ahli tafsir dan ahli retorik membolehkan kata kerja dikukuhkan dengan kata nama, seperti firman Allah s.w.t :

فَوَيْلٌ لِلَّذِينَ يَكْتُمُونَ الْكِتَابَ بِأَيْدِيهِمْ

-
1. Imam Badr al-Din Muhammad bin ‘Abdillah al-Zarkasyiyy (Tanpa tarikh). Cairo : Al-Burhān fī ‘Ulūm al-Qur’an. Juz 3, hlm 34
 2. Surah al-Baqarah 2: 286
 3. Abū al-Qāsim Jārullah Muhammad bin ‘Umar al-Zamakhshariyy. (Tanpa tarikh). Bairut : AL-Kasasyāf. Jld 1, hlm 408

Maksudnya : " Kecelakaan besar bagi orang-orang yang menulis kitab (Taurat) dengan tangan mereka".⁽¹⁾

Perkataan (أَيْدِي) adalah pengukuh kepada (يَكْتُوبُونَ). Kerana lazimnya orang menulis adalah dengan menggunakan tangan. Maka didatangkan lagi perkataan (أَيْدِي) yang maknanya ialah "tangan", bererti bahawa perkataan (أَيْدِي) ini adalah kata pengulang. Tujuan pengulangan adalah untuk pengukuhan.⁽²⁾ Seandainya jika tidak didatangkan perkataan (أَيْدِي), perkataan (يَكْتُوبُونَ) boleh membawa kepada dua interpretasi :

- (a). Pendeta-pendeta Yahudi sendiri yang menulis
- (b). Pendeta-pendeta Yahudi menyuruh orang lain menulis

Kedua-dua interpretasi ini berlaku dan boleh diterima mengikut lunas bahasa Arab.⁽³⁾

Tetapi setelah didatangkan perkataan (أَيْدِي), hanya makna yang pertama sahaja yang dipakai. Dengan yang demikian segala keraguan penerima dapat dijernih dan dihilangkan serta dapat meyakinkan bahawa pendeta-pendeta Yahudi melakukan pemindaan kitab Taurat dengan tangan mereka sendiri.

1. Surah al-Baqarah 2 : 79

2. Muhammad 'Alī al-Ṣābūniyy, 1976. Cairo : Ṣafwat al-Taḥāsir. Juz 2, hlm 72. Dan Muhammad 'Umar al-Zamakhshariyy. (Tanpa tarikh). Bairut : Al-Kasysyāf. Dār al-Fikr. Juz 1, hlm 292.

3. Yusuf Hasan 'Umar, 1978. Tripoli : Syarḥ al-Radī 'alā al-Kāfiyat. Jāmi'at Qaryunis. Juz 3, hlm 359

3.3.1.3 Pengulangan sinonim

Pengulangan sinonim (التكرارُ بِمُرَادِفٍ) ialah pengulang dan yang diulang mempunyai persamaan makna tetapi berlainan struktur fizikalnya, seperti pengujar memberitahu tentang kejayaan askar di medan pertempuran untuk meyakinkan penerima. Pengujar hendaklah menggunakan uslūb taukīd sewaktu memberi maklumat berkaitan dengan perkara tersebut, jika pengujar ingin menggunakan uslūb pengulangan sinonim ia boleh menyampaikan maklumat tersebut seperti yang berikut :

فَارَ انْتَصَرَ الْجَيْشُ
(Askar telah berjaya)

Perkataan (فَارَ) dan (انْتَصَرَ) kedua-duanya kata kerja yang berlainan bentuk fizikal tetapi makna kedua-dua perkataan ini adalah sama, iaitu *telah berjaya*.

Dalam surah al-Baqarah terdapat beberapa ayat yang menggunakan pengulangan sinonim dan sebahagian daripadanya adalah seperti yang berikut :

Firman Allah s.w.t :

قَالَ إِلَهُ يَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ صَفْرَاءُ فَاقِعٌ لَوْنُهَا

Maksudnya : " Bahawasanya Allah berfirman : Bahawa (lembu betina) itu ialah seekor lembu kuning, kuning tua warnanya, lagi menyukakan orang-orang yang melihatnya".⁽¹⁾

1. Surah al-Baqarah 2 : 69

Perkataan (فَافِعٌ) dan (صَفَرَاءٌ) dalam ayat ini berlainan bentuk lafaz tetapi maknanya sama iaitu *kuning*. Oleh yang demikian perkataan (فَافِعٌ) difleksikan sebagai pengukuh kepada (صَفَرَاءٌ).⁽¹⁾

Tujuan pengukuhan ini ialah untuk menghilangkan keraguan bagi bani Israil tentang warna lembu betina yang disuruh oleh Allah menyembelihkannya kerana mereka masih bertanya kepada nabi Musa a.s seperti yang diceritakan dari permulaan ayat, iaitu firman Allah s.w.t :

قَالُوا ادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّنْ لَنَا مَا لَوْ تَهَا

Maksudnya : " Mereka berkata lagi : Pohonkanlah kepada tuhanmu untuk kami, supaya diterangkannya kepada kami apa warnanya".⁽²⁾

Firman Allah s.w.t :

يَتَأَيَّهَا النَّاسُ كُلُّوْا مِمَّا فِى الْاَرْضِ حَلٰلًا طَيِّبًا

Maksudnya : " Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada dibumi, yang halal lagi baik".⁽³⁾

Pengulangan sinonim dalam ayat ini ialah perkataan (طَيِّبًا) kerana maknanya sama dengan perkataan (حَلٰلًا) tetapi bentuk fizikal berlainan.⁽⁴⁾

1. Abu al-Qāsim Jārullah Muhammad bin ‘Umar al-Zamakhshariyy. (Tanpa tarikh) Bairut : Al-Kasysyāf. Dār al-Fikr. Jld 1, hlm 287
2. Surah al-Baqarah 2 : 69
3. Ibid. 2 : 168
4. ‘Abd al-Rahman al-Sa‘ālabiyy, 1996. Bairut : Al-Jawāhir al-Hisan fī Tafsīr al-Qur’an. (Taḥqīq Abū Muhammad al-Ghammāriyy). Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyat. Juz 1, hlm 132

Dalam al-Qur'an banyak ayat-ayat yang menjelaskan bahawa perkataan (طَيِّبٌ) maknanya adalah *halal*, di antaranya adalah seperti firman Allah s.w.t :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ

Maksudnya : “ Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah kami berikan kepada kamu”.⁽¹⁾

Dalam ayat ini Allah menyuruh orang-orang yang beriman memakan benda-benda yang halal dengan menggunakan perkataan (طَيِّبَات). Ini menunjukkan bahawa perkataan (حَلَالٌ) dan (طَيِّبٌ) adalah dua perkataan yang berlainan lafaz tetapi maknanya sama.

Tujuan pengulangan dalam ayat di atas adalah satu penegasan kepada manusia supaya mengambil berat tentang makanan dan jangan sekali-sekali menjamah makanan yang tidak dihalalkan oleh syarak kerana makanan adalah aset penting dalam penyuburan fizikal manusia. Jika fizikal itu dibesarkan dengan makanan yang tidak halal ia akan mempengaruhi tingkah laku seterusnya akan menjadi masalah untuk diajak ke jalan yang diredhai oleh Allah s.w.t.

Dalam surah lain juga banyak ayat-ayat yang menggunakan pengulangan dengan sinonim, seperti firman Allah s.w.t :

1. Surah al-Baqarah 2 : 172

(3). وَغَرَابِيبُ سُودٍ (2). ضَيْفًا حَرْجًا (1). فِجَاجًا سُبُلًا

Perkataan (سُبُلًا) ertinya *jalan*, (حَرْجًا) *kesusahan* dan (سُودٌ) *hitam*. Semua perkataan ini adalah pengulang atau taukid kepada perkataan sebelumnya, bentuk fizikal perkataan-perkataan ini dengan perkataan sebelumnya adalah berlainan tetapi sama maknanya.

3.3.2 Pengukuhan makna

Pengukuhan makna (التَّوَكِيدُ الْمَعْنَوِيُّ) ialah pengukuhan dari segi diri (benda / orang) dan cakupan semuanya untuk mengelakkan keraguan.⁽⁴⁾

Dalam struktur rentetan ujaran, pengulangan makna adalah merupakan sebahagian daripada seni atau gaya bahasa yang boleh mencantik serta mengindahkan bahasa, disamping mempunyai misi dan tujuan tertentu yang terkandung di dalamnya. Hal ini disebabkan oleh kerenah pendengar atau penerima adalah berlainan di antara seseorang dengan seorang yang lain. Dalam situasi normal pendengar dapat memahami makna ujaran, akan tetapi keraguan, kesilapan tafsiran boleh berlaku terhadap maksud sebenar yang dikehendaki oleh pengujar, atau pengujar ingin menyedarkan kelalaian pendengar. Untuk mencapai objektif tersebut maka pengujar perlu memberi keterangan tambahan yang jelas yang dapat memperjelaskan maksud mesej kandungan ujaran tersebut.

1. Surah al-Anbiyā' 21: 31

2. Surah al-An'ām 6: 125

3. Surah al-Fāṭir 35: 27

4. 'Abbās Hasan . (Tanpa tarikh). Cairo : Al-Nahw al-Wāfī. Dār al-Ma'ārif. Juz 3, hlm 501-502.

Di antara kata tambahan yang dapat memperjelaskan kandungan ujaran, salah satu daripadanya ialah pengulangan makna. Rasionalnya pengulangan ini kerana ia dapat menghilangkan tanggapan kiasan (مَجَازِي) terhadap mua'kkad dan tanggapan khusus terhadap perkataan umum.⁽¹⁾ Dalam bahasa Arab terdapat dua jenis pengulangan atau pengukuhan makna :

(i). Pengulangan relatif

Pengukuhan relatif (تَوْكِيدُ النَّسْبِ) ialah pengukuhan yang dapat menghilangkan keraguan dan syak maknawi tentang keadaan yang berlaku pada mua'kkad.⁽²⁾

Suatu maklumat yang disampaikan oleh pengujar boleh menimbulkan pelbagai tafsiran bagi pendengar tentang tujuan dan maksud sebenar maklumat tersebut. Untuk menghindar terjadinya hal demikian pengujar boleh menjelaskan keraguan pendengar selain daripada pengulangan lafaz, iaitu dengan menggunakan pengukuhan relatif.

Lafaz yang masyhur digunakan untuk pengukuhan relatif ialah (نَفْسُ) dan (عَيْنُ). Sungguhpun dua perkataan ini boleh digunakan untuk pengukuhan tetapi sebelum itu kedua-duanya harus memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Syarat-syarat tersebut adalah seperti yang berikut :

-
1. Abū Muhammad Abdullah Jamāl al-Din bin Hisyām al-Anṣāriyy, 1994. Bairut : Syarḥ Qaṭr al-Nadā wa Bal al-Ṣadā. Al-Maktabat al-ʿAṣriyyat. hlm 414 - 415.
 2. ʿAbbās Hasan. (Tanpa tarikh). Cairo : Al-Naḥw al-Wāfī. Dār al-Maʿārif. Juz 3, hlm 503

(a). Berada selepas mua'kkad

Dalam bahasa Arab perkataan (نَفْسٌ) dan (عَيْنٌ) digunakan dengan meluas baik untuk tujuan pengukuhan atau sebaliknya kerana kedua-dua perkataan ini mengandungi pelbagai makna. Perkataan (نَفْسٌ) boleh diertikan dengan *nyawa, nafsu, benda keseluruhan* dan *lain-lain*. Perkataan (عَيْنٌ) pula boleh diertikan dengan *mata, mata air, emas, mata-mata* dan *benda keseluruhan*. Oleh kerana yang demikian ahli nahu Arab telah membuat beberapa syarat jika perkataan (نَفْسٌ) dan (عَيْنٌ) hendak diimbuhkan dalam ayat untuk tujuan pengukuhan, maka di antara syarat-syarat tersebut ia mestilah berada selepas kata yang dikukuhkan (mua'kkad), seperti :

صَافَحْتُ التَّاجِرَ نَفْسُهُ

(Saya telah berjabat tangan dengan peniaga itu sendiri)

Dalam ayat ini perkataan (نَفْسُهُ) adalah pengukuh kepada perkataan (التَّاجِرَ) yang difleksikan sebagai mua'kkad. Seandainya dalam sesuatu ayat perkataan (نَفْسٌ) atau (عَيْنٌ) berada di depan kata yang diulang, kedua-dua perkataan ini tidak boleh difleksikan sebagai pengukuh atau taukid, dan kedua-duanya hendaklah difleksikan mengikut kedudukan dalam ayat (حَسْبُ) (مَوْقِعَهُمَا فِي الْإِعْرَابِ).

(b). Bersambung dengan kata ganti nama

Pengukuhan relatif yang menjadi pengukuh hendaklah bersambung dengan kata ganti nama yang bersesuaian (مُطَابِقٌ) dengan mua'kkad atau kata yang diulang. Kesesuaian yang dimaksud ialah sama dari segi mufrad

(tunggal), muthannā (duaan) dan jamak, sama ada dari segi mudhakkar (maskulin) dan muannath (feminin).

(c). Dijamakkan untuk duaan dan jamak

Apabila kata yang diulangkan itu terdiri daripada muthannā (duaan) dan jamak, pengukuhan relatif yang paling baik ialah dijamakkan dengan jamak qillah (قِلَّةٌ) iaitu wazan (أَفْعُلُ). Hal ini telah dijelaskan oleh Ibnu Malik :

وَاجْمَعَهُمَا بِأَفْعُلٍ إِنَّ تَعْبَا مَا لَيْسَ وَاحِدًا تَكُنْ مُتَّبِعَا

Maksudnya : " Jika perkataan (نَفْسٌ) dan (عَيْنٌ) digunakan untuk pengukuhan selain kata tunggal (kata duaan dan jamak) maka hendaklah menggunakan wazan (أَفْعُلُ) sebagai mengikuti bahasa yang fasih.⁽¹⁾

Ibnu Kaisān berpendapat bahawa tidak menjadi kesalahan jika *dimuthannākan* perkataan (نَفْسٌ) dan (عَيْنٌ) sewaktu dijadikan keduanya pengukuh kepada mua'kkad yang *muthannā*.⁽¹⁾

(d). Makna menyeluruh

Pengukuhan relatif mestilah maknanya menyeluruh atau mencakupi semua benda seperti mana contoh-contoh di atas tadi. Jika kedua-dua perkataan ini membawa makna sebahagian, seperti (عَيْنٌ) digunakan untuk anggota tertentu iaitu "mata" dan (نَفْسٌ) diertikan dengan "nyawa" atau

1. Ibnu 'Aqīl , 1980. Cairo : Syarḥ Ibnu 'Aqīl. Maktabat Dār al-Turāth. Juz 3, hlm 206.

2. Imam Jamāl al-Dīn Abū 'Amr al-Uṭṭmān bin 'Umar (terkenal dengan) Abī al-Ḥājib al-Naḥwiyy al-Malikiyy, 1995. Barut : Kitāb al-Kāfiyāt li al-Naḥwi . Dār al-Kutub al- 'Ilmiyyat. Juz 1, hlm 334.

"roh", kedua-dua perkataan ini tidak boleh difleksikan sebagai pengukuhan relatif.

Contoh-contoh di bawah ini memperlihatkan struktur pengukuhan relatif yang memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan di atas tadi. Contoh ini juga sebagai gambaran perbandingan, adakah uslūb seperti ini wujud dalam susunan ayat-ayat al-Qur'an al-Karīm terutamanya dalam surah al-Baqarah. Apa yang pasti pengulangan relatif ini digunakan oleh masyarakat Arab dalam berintraksi.

i. Contoh maskulin (مذكر) :

a. Nominatif

Contoh

Nominatif tunggal

وَصَلَ الْوَزِيرُ نَفْسَهُ

-Nominatif duaan

وَصَلَ الْوَزِيرَانِ أَنْفُسَهُمَا

Nominatif jamak

وَصَلَ الْوُزَرَاءُ أَنْفُسَهُمْ

b. Akusatif

Akusatif tunggal

اِسْتَقْبَلَتِ الْوَزِيرُ نَفْسَهُ

Akusatif duaan

اِسْتَقْبَلَتِ الْوَزِيرَيْنِ أَنْفُسَهُمَا

Akusatif jamak

اِسْتَقْبَلَتِ الْوُزَرَاءُ أَنْفُسَهُمْ

c. Genitif

Genitif tunggal

رَكِبَتِ السَّيَّارَةَ مَعَ الْوَزِيرِ نَفْسِهِ

Genitif duaan

رَكِبَتِ السَّيَّارَةَ مَعَ الْوَزِيرَيْنِ أَنْفُسَهُمَا

Genitif jamak

رَكِبَتِ السَّيَّارَةَ مَعَ الْوُزَرَاءِ أَنْفُسِهِمْ

ii. Contoh feminin (مُؤَنَّث) :

a. Nominatif

Nominatif tunggal

ذَهَبَتِ الْمَدِيرَةُ نَفْسَهَا

Nominatif duaan

ذَهَبَتِ الرَّؤَسَاءُ أَنْفُسَهُمَا

Nominatif jamak

ذَهَبَتِ الرَّؤَسَاءُ أَنْفُسَهُنَّ

b. Akusatif

Akusatif tunggal

صَافَحَتِ الْمَدِيرَةُ نَفْسَهَا

Akusatif duaan

صَافَحَتِ الْمَدِيرَتَيْنِ أَنْفُسَهُمَا

Akusatif jamak

صَافَحَتِ الْمَدِيرَاتِ أَنْفُسَهُنَّ

c. Genitif

Genitif tunggal

أَرْسَلْتُ الرَّسَالََةَ إِلَى الْمَدِيرَةِ نَفْسَهَا

Genitif duaan

أَرْسَلْتُ الرَّسَالََةَ إِلَى الْمَدِيرَتَيْنِ أَنْفُسَهُمَا

Genitif jamak

أَرْسَلْتُ الرَّسَالََةَ إِلَى الْمَدِيرَاتِ أَنْفُسَهُنَّ

Contoh-contoh di atas kata ganti nama maskulin dan feminin bersesuaian dengan kata yang dikukuhkan dari segi tunggal, duaan, jamak, dan juga bersesuaian i'rabnya dari segi nominatif, akusatif dan genitif. Sebagaimana yang berlaku kepada perkataan (نَفْسٌ) begitu jugalah halnya jika dikukuhkan dengan perkataan (عَيْنٌ).

Pengukuhan relatif mempunyai keistimewaan tersendiri jika dibandingkan dengan pengukuhan makna yang lain. Keistimewaan tersebut adalah

seperti yang berikut :

(i). Pengukuhan dengan (نَفْسٌ) dan (عَيْنٌ) boleh digabungkan dalam satu ayat dengan syarat di antara dua perkataan ini tidak dipisahkan dengan huruf ‘atf dan perkataan (نَفْسٌ) hendaklah berada di depan (عَيْنٌ),⁽¹⁾ seperti :

قَرَأْتُ الْكِتَابَ نَفْسَهُ عَيْنَهُ

(Saya telah membaca buku itu sendiri)

(ii). Perkataan (نَفْسٌ) dan (عَيْنٌ) boleh menjadi pengukuh kepada kata ganti nama bersambung dan berpisah, dengan syarat kedua-duanya hendaklah dipisahkan dengan kata yang dikukuh.⁽²⁾ Kata pemisah tersebut boleh terdiri daripada :

(a). Kata ganti nama

Kata ganti nama yang digunakan untuk pemisah mestilah terdiri dari kata ganti nama nominatif berpisah, seperti :

رَغِبْتُ أَنْتَ نَفْسَكَ فِي الْخَيْرِ

(Engkau suka berada dalam kebaikan)

Perkataan (نَفْسٌ) adalah pengukuh kepada kata ganti nama bersambung iaitu kata ganti nama orang ketiga iaitu (تِ) yang bersambung dengan kata kerja (رَغِبَ), dan seperti :

1. Dr. Muhammad Muṣṭafā Rīdwan dan kawan-kawan, 1993. Bīnghāzī : Al-Tamhīd fī al-Naḥw wa al-Ṣarf. Jāmi‘at Qaryūnis. hlm 393.
2. Mahmud Husin Mu‘ālasat, 1991. Bairut : Al-Naḥw al-Syāfī. Dār al-Basyīr, hlm 389

ذَهَبَ هُوَ نَفْسُهُ إِلَى الدُّكَّانِ

(Dia sendiri yang pergi ke kedai)

Perkataan (نَفْسٌ) dalam ayat ini adalah pengukuh kepada kata ganti nama tersembunyi yang terkandung dalam kata kerja (ذَهَبَ).

(b). Bukan kata ganti nama

Pemisah di antara pengukuhan relatif boleh juga terdiri daripada bukan kata ganti nama,⁽¹⁾ seperti :

رَغِبْتَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ نَفْسُكَ أَنْ تُسَافِرَ

(Engkau ingin musafir pada hari jumaat)

Perkataan (نَفْسٌ) adalah pengukuh kepada kata ganti nama orang ketiga iaitu (تَ), di antara pengukuh dengan kata yang dikukuh dipisahkan dengan ayat *ẓarfīyyat* (جُمْلَةٌ ظَرْفِيَّةٌ) iaitu (يَوْمَ الْجُمُعَةِ), dan seperti :

لَقِيتُ مُحَمَّدًا بِنَفْسِهِ

(Saya telah berjumpa dengan Muhammad sendiri)

Di antara pengukuh dengan yang dikukuh dalam ayat ini dipisahkan dengan partikel kata sendi nama iaitu *bā'* (بَاءٌ) tambahan (زَائِدَةٌ). Pemisahan seperti ini hanya khusus kepada pengulangan dengan perkataan (نَفْسٌ) dan (عَيْنٌ)

1. ^eAbbās Hasan . (Tanpa tarikh). Cairo: Al-Nahw al-Wāfī. Dār al-Ma'ārif. Juz 3, hlm 508 dan 523

sahaja dan tidak boleh digunakan kepada perkataan pengukuhan makna yang lain.

(ii). Pengukuhan global

Pengulangan global (تَوْكِيدُ الشُّمُولِ) adalah sebahagian daripada pengulangan makna yang mempunyai fungsi tersendiri dalam ayat. Pengukuhan global boleh dibahagikan seperti yang berikut :

(a). Pengukuhan duaan

Pengukuhan global duaan bertujuan untuk menghilangkan keraguan dan makna kiasan pada perkataan duaan. Perkataan yang digunakan untuk pengukuhan global duaan ini ada dua, iaitu (كَلَا) dan (كُنَّا).⁽¹⁾

Dalam konteks bahasa Arab bahawa kata duaan sahaja boleh mengandungi makna *dua* atau *salah satu daripadanya*, seperti :

أَكَلَ الطَّالِبَانِ

(Dua orang pelajar lelaki itu telah makan)

Perkataan (الطَّالِبَانِ) adalah kata duaan tetapi maknanya boleh menunjukkan *dua orang pelajar* atau *salah seorang daripada keduanya*. Makna perkataan (الطَّالِبَانِ) akan berubah apabila diimbuhkan dalam ayat itu dengan perkataan (كَلَا), seperti :

1. Dr. Muhammad Muṣṭafā Riḍwān dan kawan-kawan, 1993. Bīnḥāzī : Jāmi'at Qaryūnis. hlm 393.

أَكَلَ الطَّالِبَانِ كِلَاهُمَا

(Memang kedua pelajar itu telah makan)

Perkataan duaan (الطَّالِبَانِ) dalam ayat ini hanya menunjukkan satu makna sahaja iaitu *dua orang pelajar*.

(b). Pengukuhan jamak

Pengukuhan global jamak ialah untuk memastikan bahawa perkataan yang diulangkan itu membawa makna meliputi atau mencakupi (الْإِحَاطَةُ وَالشُّمُولُ) keseluruhan dan tidak ada sebarang keraguan yang timbul bagi pendengar. Dalam bahasa Melayu diterjemahkan dengan *semua*, *sekelian* atau *seluruh*.

Perkataan yang digunakan untuk pengukuhan global adalah seperti yang berikut :

(a). Perkataan Asal

Pengukuhan global asal untuk jamak hanya terdiri daripada tiga perkataan, iaitu (كُلٌّ), (جَمِيعٌ) dan (عَامَّةٌ).⁽¹⁾

Perkataan (كُلٌّ) adalah kata tunggal maskulin (مُفْرَدٌ مَذَكَّرٌ) tetapi membawa makna global. I^orābnya berlainan mengikut kedudukan dalam susunan ayat.

1. Mahmud Husin Mu^oālasat, 1991. Bairut : Al-Nahw al-Syāfi . Dār al-Basyīr. hlm 388

Kebanyakan perkataan (كُلُّ) dii^orābkan dengan subjek (مُبْتَدَأٌ). Apabila perkataan (كُلُّ) terletak selepas ‘āmil al-Ibtidā’ (عَامِلُ الْإِبْتِدَاءِ), maka dalam ayat itu tidak terdapat mua’kkad,⁽¹⁾ seperti :

الْمُشْتَرِكُونَ كُلُّهُمْ مُتَأَخَّرٌ
(Peserta semuanya terlambat)

Perkataan (كُلُّ) dalam ayat ini dii^orābkan sebagai subjek kedua (مُبْتَدَأٌ ثانٍ) kerana terletak selepas ‘āmil al-Ibtidā’ iaitu (الْمَشْتَرِكُونَ) yang difleksikan sebagai subjek pertama (مُبْتَدَأٌ أَوَّلٌ). Dalam situasi ayat seperti ini perkataan (كُلُّ) tidak boleh dii^orābkan sebagai taukid kerana selain daripada sebab di atas (terletak selepas ‘āmil al-Ibtidā’), perkataan selepasnya juga menunjukkan bahawa perkataan (كُلُّ) tidak difleksikan sebagai taukid, sebab perkataan (مُتَأَخَّرٌ) adalah mufrad (kata tunggal) yang menunjukkan bahawa ia adalah menjadi predikat kepada (كُلُّ) dan tidak boleh menjadi predikat kepada (الْمَشْتَرِكُونَ). Seandainya perkataan (مُتَأَخَّرٌ) menjadi predikat kepada (الْمَشْتَرِكُونَ) tentu sudah lafaznya jamak, sebab di antara prasyarat bagi subjek dan predikat kedua-duanya mestilah bersesuaian (مُطَابِقٌ). Sungguhpun perkataan (كُلُّ) dalam ayat di atas tidak boleh difleksikan sebagai taukid tetapi ia masih membawa makna global.

Perkataan (جَمِيعٌ) termasuk di antara pengulangan global jamak tetapi dalam struktur ayat, apabila perkataan (جَمِيعٌ) bermakna (أَجْمَعِينَ), ia terdapat tiga fleksi yang berlainan :⁽²⁾

1. ‘Abbās Hasan , (Tanpa tarikh). Cairo : Al-Nahw al-Wafī. Dār al-Ma‘ārif. Juz 3, hlm 513
2. Imam Jamāl al-Dīn Abū ‘Amru ‘Uthman bin ‘Umar. 1995. Bairut : Kitāb al-Kālīyat fī al-Nahw. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyat. Juz 1, hlm 330.

(1). Hāl (حال)

Dii'rab dengan hāl apabila perkataan (جَمِيع) tidak diidafatkan (مَقْطُوعٌ عَنْ) , baik diidafat kepada kata ganti nama atau kepada kata nama nyata (الإِضَافَةُ),⁽¹⁾ seperti firman Allah s.w.t :

أَيْنَ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمُ اللَّهُ جَمِيعًا

Maksudnya : " Kerana dimana sahaja kamu berada Allah tetap akan membawa kamu sekalian (berhimpun pada hari kiamat untuk menerima balasan)."⁽²⁾

Dalam ayat di atas perkataan (جَمِيعًا) difleksikan dengan hal daripada kata ganti nama jamak maskulin iaitu waw al-Jamā'at (وَأَوَّالِجَمَاعَةِ) yang menjadi ism takūnu (إِسْمٌ تَكُونُ), dan tidak boleh menjadi taukīd kerana ia tidak diidafat kepada kata ganti nama.

(2). Mengikut kedudukan

Perkataan (جَمِيع) difleksikan mengikut kedudukannya dalam ayat berdasarkan kepada keperluan kata tugas yang sebelumnya (عَامِل), seperti contoh berikut :

-
1. Imam Jamāl al-Din Abū 'Amru bin 'Umar. 1995. Bairut : Kitāb al-Kāfiyat al-Nahw. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat. Juz I, hlm 330
 2. Surah al-Baqarah 2 : 148

الرَّافِعُونَ رَأَيْتُ جَمِيعَهُمْ

(Saya melihat semua pelawat itu)

كَانَ جَمِيعُهُمْ نَاجِينَ

(Adalah semua mereka berjaya)

Perkataan (جَمِيعٌ) dalam ayat pertama dii^ʿrāb sebagai objek kepada kata kerja (رَأَيْتُ), dan perkataan (جَمِيعٌ) dalam ayat kedua dii^ʿrābkan sebagai ism (كَانَ).

Kedua-dua perkataan (جَمِيعٌ) dalam dua contoh di atas tidak boleh difleksikan dengan pengukuhan walaupun kedua-duanya bersambung dengan kata ganti nama kerana kedua-duanya menjadi pelengkap atau ma^ʿmūl (مَعْمُولٌ) dan bukan tambahan (زَائِدَةٌ).⁽¹⁾

Kedudukan i^ʿrāb perkataan (عَامَّةٌ) adalah sama dengan perkataan (جَمِيعٌ) apabila perkataan ini berada dalam keadaan susunan ayat seperti (جَمِيعٌ) di atas tadi.

(3). Pengukuh

Difleksikan sebagai pengukuhan apabila memenuhi syarat-syarat sebagaimana yang terdapat pada syarat pengulangan relatif, dan terdapat satu syarat tambahan pada pengulang global ini iaitu mua'kkad atau yang dikukuhkan mestilah mempunyai bahagian-bahagian,⁽²⁾ dengan kata lain

-
1. Dr. Muhammad Muṣṭafā Riqdwan dan kawan-kawan, 1993. Bīghāzī : Al-Tamhīd fī al-Nahw wa al-Ṣarf. Jāmi'at Qaryūnis. hlm,391
 2. Ibnu 'Aqīl, 1980. Cairo : Syarḥ Ibnu 'Aqīl . Maktabat Dār al-Turāth. Juz 3, hlm 208

perkataan yang dikukuh mestilah jamak atau kata nama jamak, seperti :

جَاءَ الْقَوْمُ جَمِيعُهُمْ

(Kaum itu telah datang semuanya)

Perkataan (الْقَوْمُ) menjadi mua'kkad kerana maknanya meliputi semua kaum, seperti Melayu, Cina, India, Siam dan sebagainya.

(b). Perkataan Furū^c (cabang)

Terdapat empat perkataan cabang dari asal yang digunakan untuk pengukuhan global, iaitu (أَجْمَعُ), (جَمَعَاءُ), (أَجْمَعِينَ) dan (جُمُعُ) dan yang selain dari empat perkataan ini dinamakan mulhaq (مُلْحَقٌ). Bahagian mulhaq ini tidak perlu dijelaskan di sini kerana tidak terdapat dalam al-Qur'an.

Kebanyakan penggunaan pengulangan global furū^c adalah berada selepas pengukuhan global asal (كُلُّ) dan tidak salah ia bersendirian,⁽¹⁾ seperti :

صَلَّى التَّلَامِيذُ كُلُّهُمْ أَجْمَعُونَ

(Semua pelajar memang betul-betul sudah sembahyang)

صَلَّى التَّلَامِيذُ أَجْمَعُونَ

(Semua pelajar telah bersembahyang)

Syarat-syarat pengulangan global furū^c adalah sama dengan syarat-syarat pengulangan global asal kecuali bersambung dengan kata ganti nama,

1. Abū Muhammad ^cAbdullah Jamāl al-Dīn bin Hisyām, 1994. Bairut : Syarḥ Qaṭr al-Nadā wa Bal al-Ṣadā. Al-Maktabat al-^cAṣriyyat, hlm 486.

kerana pengulangan global furū^c tidak boleh disambungkan dengan kata ganti nama,⁽¹⁾ seperti :

صَلَّى التَّلَامِيذُ أَجْمَعُونَ^{هـ}

Ayat seperti ini tidak boleh diterima dalam bahasa Arab kerana tidak digunakan oleh komuniti Arab dan juga tidak terdapat penggunaannya dalam al-Qur'an dan Hadith.

3.3.3 Pengukuhan makna dalam surah al-Baqarah.

Di atas tadi telah dijelaskan tentang definisi, tujuan, struktur susunan dan syarat-syarat pengulangan makna yang merupakan sebahagian daripada bentuk pengukuhan dalam bahasa Arab, dan juga telah disentuh dalam bab-bab sebelumnya bahawa sumber utama tatabahasa Arab ialah kitab al-Qur'an.

Setelah penulis meneliti, dalam surah al-Baqarah hanya terdapat tiga bentuk pengukuhan makna. Di bawah ini akan dipaparkan secara terperinci tentang pengukuhan makna tersebut :

(i). Pengukuhan Relatif

Dalam surah al-Baqarah khasnya dan dalam al-Qur'an umumnya tidak terdapat pengulangan yang menggunakan perkataan (عَنْ) untuk tujuan pengukuhan, walaupun dalam al-Qur'an terdapat sebanyak tiga puluh empat

1. Abū Muhammad ^cAbdullah Jamāl al-Dīn bin Hisyām, 1994. Baitur : Syarḥ Syudhūr al-Dhahab. Muassasat al-Risālat, hlm 553

perkataan (عَيْنٌ) tetapi kesemuanya tidak menepati syarat-syarat pengukuhan relatif yang telah ditetapkan kerana maknanya tidak meliputi keseluruhan, dan semua perkataan (عَيْنٌ) dalam al-Qur'an bererti *mata air* dan *mata untuk melihat*, seperti firman Allah s.w.t :

وَأَسْلَلْنَا لَهُ عَيْنَ الْقَظِيرِ

Maksudnya : " Dan kami alirkan baginya mata air dari tembaga)".⁽¹⁾

Firman Allah s.w.t :

وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَا يُبْصِرُونَ بِهَا

Maksudnya : " Dan (mereka) mempunyai mata yang tidak (mahu) melihat dengannya (bukti keesaan Allah)."⁽²⁾

Dalam dua ayat di atas terdapat penggunaan perkataan (عَيْنٌ) tetapi bukan untuk tujuan pengukuhan, kerana tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, di antaranya ialah :

- (a). Tidak diidafatkan (disambungkan) dengan kata ganti nama
- (b). Kedudukannya dalam ayat adalah sebagai ma'cūl (مَعْمُول)
- (c). Maknanya untuk sebahagian atau khusus satu benda

Pengulangan yang menggunakan perkataan (نَفْسٌ) yang bertujuan untuk pengukuhan juga tidak terdapat dalam surah al-Baqarah, meskipun perkataan (نَفْسٌ) banyak digunakan dalam surah ini. Hal ini adalah disebabkan

1. Surah al-Saba' 34 : 12
2. Surah al-A'raf 7: 179

disebabkan tidak memenuhi syarat-syarat pengulangan relatif yang telah dijelaskan di atas tadi.

(ii). Pengulangan global duaan

Pengulangan global duaan (كَلَّا) dan (كَلَّا) tidak terdapat dalam surah al-Baqarah baik untuk tujuan pengukuhan atau membawa makna lain. Malah dalam al-Qur'an hanya terdapat dua ayat sahaja yang menggunakan pengulangan ini, satu ayat diimbuhkan dengan (كَلَّا) dan satu ayat lagi diimbuh dengan (كَلَّا), seperti firman Allah s.w.t :

كَلِمَاتُ الْجَنَّتَيْنِ ءَاتَتْ أَكْلَهُمَا وَلَمْ يُنْظَمِ مِنْهُ شَيْءٌ

Maksudnya : " Kedua-dua kebun itu mengeluarkan hasilnya, dan tiada mengurangi sedikit pun dari hasil itu".⁽¹⁾

Sungguhpun perkataan (كَيْفَ) dalam ayat ini menjelaskan makna duaan dan menghilangkan keraguan pendengar terhadap makna ayat tetapi tidak boleh dii^orābkan sebagai pengukuhan atau taukīd. Dalam struktur seperti ayat di atas peranan (كَيْفَ) ialah sebagai mambawa makna pengukuhan sahaja dan tidak dii^orābkan dengan taukid kerana terdapat dua sebab :

(1). Tidak diidafatkan kepada kata ganti nama, kerana idafat (digabungkan) kepada kata ganti adalah salah satu daripada syarat pengulangan duaan untuk membolehkannya dii^crābkan sebagai pengu^ckuhan. (2)

1 .Surah al-Kahf 18 : 33

2. Muhammad 'Alī bin al-Subbān (Tanpa tarikh). Bairut : Hāsyiyat al-Subbān. Juz 3, hlm 75.

(2). Perkataan (مَبْدَأٌ), kedudukan i'rabnya (مَوْقِعُ إعرَابِهِ) adalah subjek (مُبْتَدَأٌ), sedangkan pengukuhan tidak boleh dii'rabkan sebagai subjek kerana subjek adalah 'āmil (perubah).⁽¹⁾

Firman Allah s.w.t :

إِمَّا يَنْتَلِفُنْ عِنْدَكَ الْكَبِيرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا

Maksudnya : “ Jika salah seorang dari keduanya atau kedua-duanya sekali sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu “. ⁽²⁾

Perkataan (كِلَا) bermakna global duaan tetapi tidak boleh dii'rabkan dengan taukid kerana di antaranya terdapat pemisah dengan mua'kkad (مُؤَكَّد), kedudukan i'rabnya di sini adalah ma'ṭūf (مَعْطُوف) dengan perkataan (أَحَدُ).⁽³⁾

(iii). Pengukuhan global jamak

Pengukuhan global jamak berlaku apabila mua'kkad(kata yang diulang) mengandungi beberapa juzuk atau pecahan. Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, tujuan asal pengulangan global jamak ialah untuk menghilangkan sebarang keraguan tentang makna jamak atau keseluruhan yang terdapat pada matbū' (kata yang diulang).

Setelah penulis meneliti, pengukuhan global jamak dalam surah al-Baqarah boleh dibahagikan seperti berikut :

1. Muhammad Muṣṭafā Ridwan dan kawan-kawan, 1993. Binghazi : Al-Tamhīd fī al-Nahw wa al-Ṣarf. Jāmi'at Qaryunīs, hlm391
2. Surah al-Isrā' 17 : 23
3. Muhammad Ṣūfī, 1990. Bairut : I'rab al-Qur'an wa Ṣarfuh wa Bayānuh. Dār al-Rasyīd. Juz 15, hlm 33

(a). Global jamak disepakati

Dalam surah al-Baqarah terdapat dua ayat yang menggunakan pengukuhan global jamak yang boleh difleksikan sebagai pengukuhan dan disepakati oleh ahli nahu Arab kerana memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, seperti ayat-ayat berikut :

Firman Allah s.w.t :

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا

Maksudnya : " Dan dia (Allah) telah mengajarkan nabi Adam akan segala nama benda-benda dan kegunaannya".⁽¹⁾

Pengukuhan global jamak dalam ayat ini ialah perkataan (كُلُّ) yang menjadi pengukuh kepada (الْأَسْمَاءُ). Semua syarat pengukuhan terdapat pada pengulangan ini, seperti mudāf (مُضَاف) kepada kata ganti nama iaitu hā (هَا) yang bersesuaian dengan mua'kkad iaitu (الْأَسْمَاءُ), walaupun pada zahirnya kelihatan di antara taukid dengan mua'kkad tidak bersesuaian kerana (الْأَسْمَاءُ) adalah kata jamak sedangkan (هَا) adalah kata ganti nama tunggal untuk feminin. Tetapi dalam tatabahasa Arab bahawa kata jamak taksīr (تَكْسِير) kedudukannya sama dengan kata ganti nama tunggal feminin.

Tujuan pengukuhan dalam ayat ini ialah supaya tidak timbul sebarang keraguan lagi bagi pendengar tentang kebolehan nabi Adam menyebut

1. Surah al-Baqarah 2 : 31

segala nama-nama benda yang diminta kepadanya kerana ia telah diajarkan oleh Allah.⁽¹⁾

Firman Allah s.w.t :

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَمَاتُوا وَهُمْ كُفَّارٌ أُولَٰئِكَ عَلَيْهِمْ لَعْنَةُ اللَّهِ
وَالْمَلَائِكَةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

Maksudnya : " Sesungguhnya orang-orang yang kafir, dan mereka mati sedang mereka tetap dalam keadaan kafir, mereka itulah orang-orang yang ditimpa laknat Allah dan malaikat serta manusia sekalian".⁽²⁾

Perkataan (أَجْمَعِينَ) adalah pengukuhan kepada (النَّاسِ) yang menunjukkan bahawa semua orang yang beriman akan mengutuk mereka yang dalam kekufuran. Dengan yang demikian tidak timbul lagi keraguan tentang makna perkataan (النَّاسِ) sama ada tunjukan maknannya untuk semua manusia atau sebahagian daripada mereka, kerana pengimbuhan perkataan (أَجْمَعِينَ) telah mengeluarkan maknanya yang kedua (sebahagian).⁽³⁾

(b).Global jamak tidak disepakati

Satu ayat dalam surah al-Baqarah yang menggunakan pengimbuhan global jamak tetapi ahli nahu Arab tidak sependapat tentangnya. Ada yang berpendapat tidak boleh difleksikan dengan taukīd dan pendapat lain pula

1. Abū al-Saʿūd, (Tanpa tarikh). Bairut : Tafsīr Abī al-Saʿūd. Dār al-Fikr. Juz 1, hlm 104

2. Surah al-Baqarah 2 : 161

3. Abū Muhammad ʿAbdullah Jamāl al-Dīn bin Hisyām, 1994. Bairut : Syarḥ Qaṭr al-Nadā wa Bal al-Ṣadā. Al-Maktabat al-ʿAṣriyyat, hlm 485

memfleksikan kata global jamak itu dengan pengukuhan. Ayat tersebut adalah seperti firman Allah s.w.t :

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَّا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا

Maksudnya : " Dialah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi".⁽¹⁾

Dalam ayat di atas terdapat kata global jamak iaitu perkataan (جَمِيعًا). Dari segi kedudukan i^ʿrāb (مَوْقِعُ الْإِعْرَابِ) kata global ini terdapat dua pendapat yang berlainan :

(1). Perkataan (جَمِيعًا) dii^ʿrābkan sebagai hāl (حَال), tuan halnya (صَاحِبُ الْحَال) ialah mā (مَا) yang dii^ʿrābkan sebagai objek.

Alasan perkataan (جَمِيعًا) tidak boleh difleksikan sebagai pengukuhan kerana tidak bersambung dengan kata ganti nama yang menjadi pengikat (رَابِط) di antara taukīd dengan mua'kkad, sedangkan bersambung dengan kata ganti nama adalah prasyarat bagi pengukuhan dengan (جَمِيعًا).⁽²⁾

(2). Mengikut pendapat al-Farrā' dan Zamakhsyariyy bahawa perkataan (جَمِيعًا) dii^ʿrābkan sebagai pengukuh kerana perkataan (جَمِيعًا) pada asalnya bersambung dengan kata ganti nama tetapi kata ganti nama tersebut telah dibuang, walaupun demikian pada andaian (تَقْدِيرِي) ia masih bersambung

1. Surah al-Baqarah 2 : 29

2. Muhammad 'Alī bin al-Ṣubbān. (Tanpa tarikh). Bairut: Ḥāsyiyat al-Ṣubbān. Dār al-Fikr. Juz 3, hlm 75

dengan kata ganti nama. Justeru itu perkataan (جَمِيعًا) hendaklah di fleksikan sebagai pengukuh atau taukid.⁽¹⁾

Apabila penulis perhatikan dua pendapat di atas, pendapat pertama lebih logik dan menepati garis-garis pengukuhan makna yang telah ditetapkan, tetapi perkataan (جَمِيعًا) adalah lebih baik diiʿrāb dengan hāl yang mengukuhkan (حَالٌ مُؤَكِّدَةٌ),⁽²⁾ sebab kalau diiʿrābkan dengan hāl sahaja ia menjadi perkataan yang tidak begitu berfungsi dalam ayat kerana perkataan (مَك) sudah merangkumi makna keseluruhan (التَّمُول). Begitu juga jika diiʿrābkan dengan pengukuhan sahaja ia tidak bersambung dengan kata ganti nama dan melanggar garis tatabahasa Arab.

-
1. Muhammad ʿAlī bin al-Ṣubbān (Tanpa tarikh). Bairut : Ḥāsyiyat al-Ṣubbān. Dār al-Fikr., Juz 3, hlm 75.
 2. Abū al-Saʿūd, (Tanpa tarikh). Bairut : Tafsīr Abī al-Saʿūd. Dār al-Fikr. Juz 1, hlm 114